




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH	
Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan	3
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH	
MAJLIS DAERAH ROMPIN	
Pengurusan Perolehan	24
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN	
PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH	
Pengurusan Tanah Rizab Melayu	33
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG	
BCIC Holdings Sdn. Bhd.	53
PENUTUP	67



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pahang.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap Laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 7 Jabatan, 2 Agensi Kerajaan Negeri dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.
4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan

kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
~~Ketua Audit Negara~~
Malaysia

Putrajaya
30 April 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH

- **Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan**

1.1. Bahan batuan seperti mana mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, adalah segala jenis batu dan segala jenis tanah serta apa jua yang terhasil daripada kedua-duanya. Menurut Seksyen 14 KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan permit atau kebenaran bagi maksud mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan daripada tanah Kerajaan, tanah milik, tanah lombong dan tanah rizab. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG) berperanan menasihati Pihak Berkuasa Negeri berkaitan aspek pentadbiran tanah mengikut peruntukan undang-undang dan juga membantu menentukan dasar tanah selaras dengan kehendak dasar Kerajaan Negeri. Mana-mana individu atau badan boleh memohon permit untuk tujuan mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan ini. Pentadbir Tanah Daerah (PTD) akan mengutip royalti berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan yang dilakukan.

1.2. Pengauditan telah dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan dari segi prestasi kutipan hasil. Hasil sebenar yang dikutip melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang menyebabkan matlamat untuk meningkatkan hasil tidak tercapai sepenuhnya. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Semakan semula kadar royalti bahan batuan seperti yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2011 didapati tidak menyeluruh.
- Berlaku kelewatan dalam proses kelulusan permohonan membaharui lesen dan permit.
- Pengusaha tidak mencatatkan di dalam tiket muatan sebenar bahan batuan yang diangkut. Pengusaha juga gagal mematuhi syarat yang ditetapkan dalam lesen dan permit sehingga memberi impak kepada alam sekitar serta orang awam.
- Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan disebabkan kekurangan kakitangan, beban tugas serta kekurangan kenderaan.

1.3. Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dapat dilaksanakan dengan berkesan serta meningkatkan hasil kepada Kerajaan, pihak Audit mengesyorkan supaya PTG, PTD serta pihak yang terlibat mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. Menyemak semula kadar royalti *laterite* dan bata dengan menaikkannya kepada kadar yang lebih munasabah. Penggunaan ukuran isi padu muatan (Meter Padu) dalam menentukan kadar royalti terhadap bahan batuan seperti tanah, *laterite* dan pasir ditukar kepada ukuran berat (Tan Metrik) supaya selaras dengan ukuran yang digunakan pakai oleh JPJ serta dapat meningkatkan hasil Kerajaan.

1.3.2. PTG perlu menetapkan tempoh akhir penyerahan permohonan membaharui lesen dan permit selewat-lewatnya pada bulan Oktober supaya kelulusan dapat diberikan sebelum bulan Januari tahun berikutnya.

1.3.3. PTD hendaklah memastikan pengusaha yang gagal mematuhi syarat pengeluaran tidak diberi peluang untuk membaharui lesen dan permit pada masa yang akan datang.

1.3.4. PTD hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan supaya pengusaha sentiasa mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, bilangan kakitangan serta kenderaan di Unit Penguatkuasaan perlu ditambah bagi memantapkan lagi tugas pemantauan dan penguatkuasaan.

2. MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH MAJLIS DAERAH ROMPIN - Pengurusan Perolehan

2.1. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) dan Majlis Daerah Rompin (MDR) telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM103.46 juta. Sebanyak 11 perolehan kerja yang berjumlah RM19.17 juta dilaksanakan melalui kaedah tender manakala 467 atau RM72.70 juta perolehan secara sebut harga dan 4026 perolehan kerja dan bekalan berjumlah RM11.59 juta dilaksanakan melalui kaedah perolehan terus.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2013 hingga Januari 2014 mendapati pengurusan perolehan di MPT dan MDR adalah memuaskan. Prosedur perolehan telah dilaksanakan dengan baik. Jawatankuasa Tender Dan Sebut Harga juga telah diwujudkan. Bagaimanapun, daripada 196 sampel fail perolehan yang diaudit, terdapat 33 (16.8%) fail tender dan sebut harga mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti:

- Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan terlalu lama.
- Pengesahan siap kerja lewat dibuat.
- Kelewatan penyerahan Borang Inden Kerja oleh kontraktor.
- Projek siap tetapi masih belum digunakan.
- Projek lewat disiapkan.

2.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan PBT dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan adalah disyorkan Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Daerah Rompin mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Memastikan tempoh lanjutan masa yang diluluskan adalah dikawal dan setiap alasan yang diberi oleh kontraktor hendaklah diteliti sewajarnya supaya tempoh penyiapan projek adalah dipatuhi.

2.3.2. Memastikan pengesahan siap kerja dilaksanakan segera sebaik sahaja kontraktor menyerahkan Borang Inden Kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.

2.3.3. Memastikan setiap projek yang telah siap dibina, diguna segera mengikut tujuan pembinaannya.

3. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH

- **Pengurusan Tanah Rizab Melayu**

3.1. Tanah Rizab Melayu (TRM) adalah tanah yang dirizabkan kepada orang Melayu sebelum Merdeka seperti mana dinyatakan dalam Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan selagi ia diperuntukkan dalam perundangan. Takrifan Melayu seperti mana dinyatakan dalam Enakmen Rizab Melayu (ERM) 1933 (Negeri Melayu Bersekutu Bab 142) adalah mempunyai 3 faktor iaitu hendaklah berketurunan Melayu atau Malayan (kecuali Kedah dan Perlis yang turut mengiktiraf keturunan Arab), lazimnya bercakap Melayu atau Malayan dan beragama Islam. Takrifan “Melayu” kepada Syarikat Melayu seperti mana dinyatakan dalam Seksyen 2, ERM adalah ketiga-tiga unsur berikut wujud serentak dalam satu-satu masa iaitu Syarikat hendaklah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Kerjasama yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Kerjasama 1946 tidak boleh diambil kira, kesemua ahlinya hendaklah Melayu atau Syarikat Melayu yang ditafsirkan sebagai Melayu, dan ada diperuntukkan secara hitam putih di dalam undang-undang tubuhnya bahawa penjualan saham-saham syarikat itu hanya pada Melayu atau syarikat Melayu sahaja. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG) selaku Pentadbir Tanah Negeri adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus TRM di Negeri Pahang. Manakala, Pejabat Daerah Dan Tanah selaku Pentadbir Tanah Daerah (PTD) bertanggungjawab terhadap TRM di peringkat daerah. Mandat untuk mentadbir tanah di daerahnya adalah dengan kelulusan Pihak Berkusa Negeri (PBN) diperuntukkan di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut rekod Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), sehingga akhir tahun 2013 keluasan tanah di Negeri Pahang adalah 3,597,376.97 ha manakala keluasan TRM adalah 436,910.47 ha.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pengurusan TRM adalah baik dari segi jumlah keluasan tanah yang diganti telah melebihi daripada keluasan yang dibatalkan. Peratus keluasan TRM daripada keluasan Negeri Pahang selepas merdeka adalah 12.1% berbanding sebelum merdeka adalah 8.8% iaitu telah meningkat sebanyak 3.3%. Bagaimanapun, beberapa penemuan berikut perlu diberi perhatian sewajarnya.

- Peratus perizaban yang belum warta di 4 Daerah adalah 78.1% pada 31 Disember 2013.
- Sebanyak 13 kes pembatalan belum diwartakan.
- Sebanyak 65 kes penggantian belum selesai iaitu 14 kes belum ganti dan 51 kes dalam tindakan pengesanan fail.
- 14.7% geran TRM masih belum diendors sebagai TRM dan 90.1% geran Orang Melayu belum diendors Pegangan Melayu (Seksyen 6).
- Daftar/Rekod TRM tidak dikemas kini.
- Pemantauan TRM kurang memuaskan.

3.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan Tanah Rizab Melayu (TRM), adalah disyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan Pentadbir Tanah Daerah mengambil langkah penambahaikan seperti berikut:

3.3.1. Mewujudkan kaedah pelaksanaan dan mekanisme pemantauan seperti daftar TRM yang lengkap supaya kelewatan dalam pewartaan TRM, pewartaan pembatalan dan penggantian dapat diselesaikan dalam tempoh yang sewajarnya.

3.3.2. Menyedia dan mengemas kini rekod TRM yang telah diwartakan dan membuat endorsan ke atas geran pemilik untuk mengelakkan pindahmilik kepada pihak lain.

3.3.3. Menambah baik prosedur kerja dan memberikan latihan yang secukupnya bagi meningkatkan kecekapan pegawai.

4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

- BCIC Holdings Sdn. Bhd.

4.1. BCIC Holdings Sdn. Bhd. (BCIC) ditubuhkan pada 16 Mac 1989 dan memulakan operasinya pada tahun 1993. BCIC merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM100,000. Ia ditubuhkan bagi merealisasikan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera melalui pelaburan dan usaha sama dengan syarikat Bumiputera di Pahang atas persetujuan PKNP. Aktiviti utama BCIC adalah menawarkan sewaan kemudahan di Kompleks Dagangan Mahkota (KDM) untuk majlis perkahwinan, jamuan makan malam, majlis graduasi, seminar, bengkel, kem motivasi, mesyuarat dan sebagainya.

Objektif BCIC pula adalah menguruskan sewaan kemudahan di KDM dengan menawarkan harga berpatutan kepada penyewa sebagaimana yang diamanahkan oleh PKNP.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat BCIC adalah memuaskan. BCIC telah mencatat peningkatan keuntungan pada tahun 2011 dan 2012, pencapaian aktiviti telah melebihi sasaran pada tahun 2012 serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan mematuhi amalan terbaik.

4.3. Bagi memastikan objektif BCIC iaitu menguruskan sewaan kemudahan KDM dengan menawarkan harga berpatutan dapat dicapai, adalah disyorkan BCIC mengambil tindakan penambahbaikan dengan mempertingkatkan prestasi kewangan bagi memastikan kerugian terkumpul dapat dikurangkan serta pulangan ke atas aset dan ekuiti dapat diperbaiki, selain mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran serta mengutip tunggakan sewa.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH

1. PENGURUSAN PENGETAHUAN BAHAN BATUAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Bahan batuan seperti mana mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, adalah segala jenis batu dan segala jenis tanah serta apa jua yang terhasil daripada kedua-duanya. Selain itu, apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya, selain bahan yang ditakrifkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan yang berkuat kuasa pada masa itu. Menurut Seksyen 14 KTN 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan permit atau kebenaran bagi maksud mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan daripada tanah Kerajaan, tanah milik, tanah lombong dan tanah rizab. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG) berperanan menasihati Pihak Berkuasa Negeri berkaitan aspek pentadbiran tanah mengikut peruntukan undang-undang dan juga membantu menentukan dasar tanah selaras dengan kehendak dasar Kerajaan Negeri.

1.1.2. Mana-mana individu atau badan boleh memohon permit untuk tujuan mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan ini. Hasil daripada pengeluaran permit ini, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) akan mengutip royalti berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan yang dilakukan. Kadar royalti yang dipungut adalah seperti yang ditetapkan dalam *Pahang Land Rules 1992*. Secara keseluruhannya, Pentadbir Tanah telah mengutip hasil daripada pengeluaran bahan batuan di Negeri Pahang dari tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM63.47 juta.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah terhadap pengurusan dan aktiviti pengeluaran bahan batuan dari tahun 2011 hingga 2013. Tumpuan pengauditan adalah terhadap pengeluaran pasir dan tanah. Pengauditan telah dijalankan di PTD Bentong, Pekan dan Temerloh dengan

menyemak rekod, fail serta dokumen yang diselenggarakan. Antara rekod dan dokumen yang disemak adalah daftar permohonan permit, buku permit, penyata pengeluaran bulanan, rekod hasil, fail pengusaha dan buku doket. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilaksanakan. Selain itu, lawatan ke 20 tapak pengeluaran bahan batuan telah dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai aktiviti pengeluaran pasir dan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan dari segi prestasi kutipan hasil. Hasil sebenar yang dikutip melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang menyebabkan matlamat untuk meningkatkan hasil tidak tercapai sepenuhnya. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Semakan semula kadar royalti bahan batuan seperti yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2011 didapati tidak menyeluruh.
- Berlaku kelewatan dalam proses kelulusan permohonan membaharui lesen dan permit.
- Pengusaha tidak mencatatkan di dalam tiket muatan sebenar bahan batuan yang diangkut. Pengusaha gagal mematuhi syarat yang ditetapkan dalam lesen dan permit sehingga memberi impak kepada alam sekitar serta orang awam.
- Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan disebabkan kekurangan kakitangan, beban tugas serta kekurangan kenderaan.

1.4.1. Prestasi Hasil Pengeluaran Bahan Batuan

1.4.1.1. Hasil utama pengeluaran bahan batuan Negeri Pahang adalah daripada kuari, pasir, tanah merah dan bata. Sejumlah RM15.82 juta hasil keseluruhan daripada Bayaran Pelbagai Permit telah disasarkan pada tahun 2011 manakala sejumlah RM16.45 juta pada tahun 2012 dan RM19.76 juta pada tahun 2013. Semakan Audit mendapati jumlah hasil yang diterima adalah melebihi daripada yang disasarkan setiap tahun. Sejumlah RM20.58 juta telah diterima pada tahun 2011 iaitu melebihi 30.09% daripada yang disasarkan. Pada tahun 2012 pula, sejumlah RM21.55 juta telah diterima iaitu melebihi 30% daripada yang disasarkan manakala sejumlah RM21.34 juta hasil telah diterima pada tahun 2013 iaitu melebihi 8% daripada yang disasarkan. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Prestasi Kutipan Hasil Berbanding Sasaran
Dari Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Sasaran (RM Juta)	Hasil (RM Juta)	Beza (RM Juta)	Peratus (%)
2011	15.82	20.58	4.76	30.09
2012	16.45	21.55	5.10	30.00
2013	19.76	21.34	1.58	8.00
Jumlah	52.03	63.47	11.44	21.99

Sumber: PTG

1.4.1.2. Sementara itu prestasi hasil mengikut daerah pula mendapati PTD Kuantan telah mencatatkan kutipan hasil tertinggi bagi tempoh 2011 hingga 2013 iaitu sejumlah RM37.67 juta. Hasil royalti diperoleh adalah daripada pengeluaran bahan kuari, tanah merah dan pasir. Kedudukan ke dua adalah PTD Pekan yang memperoleh hasil daripada pasir sungai dan tanah merah berjumlah RM5.27 juta. Manakala PTD Rompin memperoleh hasil sejumlah RM3.86 juta daripada kuari, pasir dan tanah merah. Butiran terperinci hasil diterima mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Prestasi Kutipan Hasil Mengikut Daerah
Dari Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	PTD/PTG	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	
1.	Kuantan	12.51	11.90	13.26	37.67
2.	Pekan	1.12	2.14	2.01	5.27
3.	Rompin	1.60	1.63	0.63	3.86
4.	Temerloh	1.33	1.27	1.20	3.80
5.	Jerantut	0.97	1.39	1.43	3.79
6.	Bera	0.94	0.94	0.92	2.80
7.	Bentong	0.84	0.64	0.76	2.24
8.	Lipis	0.37	0.57	0.62	1.56
9.	Raub	0.45	0.49	0.02	0.96
10.	Cameron Highlands	0.26	0.45	0.30	0.71
11.	Maran	0.06	0.11	0.16	0.33
12.	PTG	0.12	0.02	0.05	0.19
Jumlah		20.57	21.55	21.36	63.48

Sumber: PTG

1.4.1.3. Semakan Audit terhadap jenis pengeluaran bahan batuan dari tahun 2011 hingga 2013 pula mendapati bahan daripada kuari merupakan hasil utama yang telah dikutip berjumlah RM17.98 juta diikuti pasir yang berjumlah RM9.73 juta, tanah merah berjumlah RM4.42 juta dan bata berjumlah RM0.89 juta. Pengeluaran utama kuari adalah di daerah Kuantan, Jerantut, Temerloh, Bera, Lipis dan Cameron Highlands. Pengeluaran utama pasir pula melibatkan semua daerah kecuali Maran dan Raub. Begitu juga bagi pengeluaran tanah, ia melibatkan semua daerah kecuali Raub. Butiran hasil mengikut jenis pengeluaran bahan batuan adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Hasil Royalti Mengikut Jenis Pengeluaran
Dari Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Jenis Pengeluaran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	
1.	Kuari	5.47	5.89	6.62	17.98
2.	Pasir	3.39	3.75	2.59	9.73
3.	Tanah Merah	1.85	1.36	1.21	4.42
4.	Bata	0.23	0.42	0.24	0.89
Jumlah		10.94	11.42	10.66	33.02

Sumber: PTG

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan hasil pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan kerana menunjukkan peningkatan dari tahun-tahun sebelumnya dan melebihi sasaran yang ditetapkan.

1.4.2. Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan

1.4.2.1. Pelaksanaan pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah tertakluk kepada peraturan, arahan serta undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Tanah Negara 1965, *Pahang Land Rules 1992*, Arahan Pentadbir Tanah Negeri (APTN) dan juga Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap pengurusan pengeluaran bahan batuan di 3 buah PTD iaitu Bentong, Pekan dan Temerloh mendapati perkara seperti berikut:

a. Kadar Royalti Baru Tidak Menyeluruh

- i. Bayaran royalti dikenakan terhadap setiap bahan batuan yang dialihkan daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Asas pengiraan royalti adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan *Pahang Land Rules 1992*. Adalah didapati semakan semula terhadap kadar royalti telah dilakukan dan dikuatkuasakan pada 3 Februari 2011 serta diwartakan pada 31 Oktober 2013. Kadar lama telah diguna pakai sejak tahun 1992. Hasil pengeluaran bahan batuan utama Negeri Pahang ialah tanah, *laterite*, pasir, *granite* dan bata. Bagaimanapun, didapati semakan semula kadar royalti hanya mengambil kira kenaikan kadar bagi tanah, pasir dan *granite* manakala kadar bagi *laterite* dan bata masih tidak berubah. Ketiga-tiga PTD telah mula menggunakan kadar baru tersebut mulai bulan Mac 2011. Butiran kadar royalti lama dan baru adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4**Kadar Baru Royalti Bahan Batuan**

Bil.	Jenis Bahan	Kadar Lama	Kadar Baru	Kenaikan Kadar
1.	Tanah	RM1.50/m ³	RM2.50/m ³	RM1.00
2.	<i>Laterite</i>	RM2.00/m ³	RM2.00/m ³	Tidak Berubah
3.	Pasir	RM2.00/m ³	RM3.00/m ³	RM1.00
4.	<i>Granite</i>	RM2.00/tan	RM3.00/tan	RM1.00
5.	Bata	RM1.00/1,000 keping	RM1.00/1,000 keping	Tidak Berubah

Sumber: PTG

- ii. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, PTG sentiasa membuat kajian dari semasa ke semasa untuk meningkatkan hasil negeri. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri kerana kenaikan kadar royalti akan memberi kesan secara langsung kepada kos sara hidup rakyat terutama kepada harga penjualan bangunan kediaman.**
- iii. Semakan lanjut mendapati kadar royalti bagi bata masih kekal iaitu RM1.00 bagi setiap 1,000 keping. Ini bermakna kadar royalti bagi sekeping bata adalah RM0.001 ataupun tidak sampai 1 sen. Kadar tersebut adalah tidak munasabah pada masa sekarang. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pengusaha bata di daerah Temerloh mendapati bata dijual dengan harga RM0.31 sekeping manakala harga jualan oleh peruncit di Kuantan adalah RM0.48 sekeping. Perbandingan harga sekeping bata yang dijual oleh pengusaha dengan kadar royalti semasa yang dikenakan adalah sebanyak 31,000%. Rekod PTG menunjukkan bahawa hasil bata untuk tempoh dari tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM0.89 juta atau purata sejumlah RM0.29 jutasetahun. Ini bermakna kuantiti pengeluaran bata untuk tempoh tersebut adalah sebanyak 886.31 juta keping atau purata pengeluaran sebanyak 295.44 juta keping setahun. Sekiranya kadar royalti bata dapat dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM1.00 bagi setiap 100 keping atau 1 sen sekeping, maka Kerajaan Negeri dapat meningkatkan hasil daripada royalti bata ini yang dianggarkan berjumlah RM2.66 juta setahun (RM0.01 x 295.44 juta keping - RM0.29 juta) atau peningkatan sebanyak 917.24%. Butiran hasil bata dari tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5**Hasil Pengeluaran Batu Berdasarkan Kadar RM1/1,000 Keping**

Daerah	Tahun			Jumlah (RM)	Kuantiti (Juta Keping)
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)		
Temerloh	67,257	256,469	143,242	466,968	466.97
Jerantut	102,580	103,255	15,600	221,435	221.43
Bentong	44,980	42,474	46,867	134,321	134.32
Bera	9,350	10,900	7,900	28,150	28.15
Kuantan	600	-	20,235	20,835	20.84
Lipis	3,500	3,600	-	7,100	7.10
Rompin	-	-	6,000	6,000	6.00
Maran	-	1,500	-	1,500	1.50
PTG	600	-	-	-	-
Jumlah	228,867	418,198	239,844	886,310	886.31

Sumber: PTG


- iv. Semakan Audit juga mendapati ukuran yang digunakan bagi menentukan kadar royalti item seperti tanah, *laterite*, pasir dan *granite* sebagai mana dinyatakan dalam *Pahang Land Rules 1992* adalah menggunakan unit isi padu muatan iaitu Meter Padu (MP). Manakala spesifikasi kenderaan yang mengangkut bahan batuan adalah berdasarkan berat muatan yang dibawa iaitu Berat Dalam Muatan (BDM) atau Tan Metrik (MT). Pada masa yang sama, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melaksanakan penguatkuasaan adalah berdasarkan kepada berat muatan yang dibawa. Kadar royalti yang dikenakan mengikut ukuran meter padu memberi kesan terhadap hasil kepada pihak Kerajaan kerana ukuran dalam meter padu lebih kecil berbanding dalam tan metrik. Sebagai contoh, had muatan yang dibenarkan kepada lori 3 gandar atau 10 tayar mengikut Arahan Pentadbir Tanah Negeri Pahang Bil. 5/2008 (APTN) adalah sebanyak 10 meter padu. Bagaimanapun jika mengikut ukuran tan metrik, berat muatan tersebut melebihi 20 tan iaitu wujud perbezaan sekurang-kurangnya 10 tan bagi setiap muatan yang dibawa. Ini akan memberi kesan terhadap hasil Kerajaan melalui royalti yang tidak dibayar. Seperkara lagi, penggunaan ukuran tan metrik menyebabkan berlaku percanggahan dalam melaksanakan penguatkuasaan antara Pentadbir Tanah dengan JPJ. **Oleh itu, pada pendapat Audit adalah wajar ukuran berat muatan dalam *Pahang Land Rules 1992* diubah dalam ukuran metrik.** Gambar 1.1 adalah contoh lori 10 tayar yang membawa muatan sebanyak 10 meter padu. Manakala Gambar 1.2 pula adalah berat muatan sebenar lori bersaiz yang sama dalam ukuran tan metrik.

Gambar 1.1
Contoh Lori 3 Gandar/10 Tayar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Rusa, Pekan
Tarikh: 5 Mac 2014

Gambar 1.2
Tiket Yang Menunjukkan Berat Muatan Sebenar Lori 3 Gandar/10 Tayar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD Bentong
Tarikh: 24 Februari 2014

v. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, pihak PTG telah mengambil maklum tentang perkara ini dan pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan mengadakan bengkel untuk menyelaraskan penukaran unit pengukuran bahan batuan daripada meter padu (MP) kepada metrik tan (MT) memandangkan semua negeri masih menggunakan MP sebagai pengukuran untuk mengangkut bahan batuan. Negeri Perak akan mula menggunakan MT sebagai ukuran tidak lama lagi dan pihak NRE akan membuat keputusan setelah mendapat maklum balas daripada negeri Perak.**

b. Aktiviti Selain Daripada Pengeluaran Pasir

i. Setiap pengeluaran bahan batuan akan dikenakan bayaran royalti mengikut kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam *Pahang Land Rules 1992*. Lawatan Audit di daerah Pekan pada 5 Mac 2014 mendapati wujud satu aktiviti membuat banchuan konkrit (*mixerplant*) di dalam kawasan pengeluaran pasir yang diluluskan. Ia diusahakan oleh individu yang menyewa kawasan daripada pengusaha pasir dan telah beroperasi sejak hampir setahun yang lalu. Manakala semasa lawatan Audit pada 13 Mac 2014 di daerah Temerloh mendapati wujud 2 aktiviti membuat batu blok dan longkang. Satu di dalam kawasan pengeluaran pasir yang diluluskan dan dijalankan oleh pengusaha pasir yang sama. Manakala satu lagi terletak bersebelahan kawasan pengeluaran pasir yang diluluskan dan diusahakan oleh individu lain. Aktiviti yang dijalankan ini memerlukan pasir sebagai bahan utama untuk menghasilkan produk yang dikeluarkan. Bagi aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan pengeluaran pasir, didapati pasir terus dibekalkan tanpa dikenakan bayaran royalti kerana pasir tidak dibawa keluar

daripada kawasan tersebut. Pengalihan bahan daripada kawasan pengeluaran adalah dalam bentuk barang siap yang tidak dikenakan bayaran royalti. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar jumlah pasir yang telah digunakan bagi setiap aktiviti ini kerana rekod mengenainya tidak diperolehi. Butiran aktiviti yang dapat dikesan semasa lawatan Audit adalah seperti di **Jadual 1.6**. Manakala **Gambar 1.3** hingga **Gambar 1.5** merupakan aktiviti yang dijalankan.

Jadual 1.6
Aktiviti Selain Daripada Pengeluaran Pasir
Di Daerah Pekan Dan Temerloh

Daerah	Jenis Pengeluaran	Lokasi Aktiviti	Catatan
Pekan	Bancuhan Konkrit	Pulau Keladi	Di dalam kawasan pengeluaran pasir
Temerloh	Batu Blok Longkang	Kg. Tanjung Batu	Di dalam kawasan pengeluaran pasir
	Batu Blok Longkang	Tanjung Batu	Bersebelahan kawasan pengeluaran pasir

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pahang

Gambar 1.3
MixerPlant Yang Mengeluarkan Bancuhan Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Keladi, Pekan
Tarikh: 5 Mac 2014

Gambar 1.4
Aktiviti Pengeluaran Batu Blok Dan Longkang Di Dalam Kawasan Pengeluaran Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjung Batu, Temerloh
Tarikh: 13 Mac 2014



Gambar 1.5
Aktiviti Pengeluaran Batu Blok Dan Longkang Bersebelahan Kawasan Pengeluaran Pasir

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Batu, Temerloh
Tarikh: 13 Mac 2014

- ii. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, pihak PTG memastikan pengusaha memiliki permit yang sah untuk menjalankan aktiviti pengeluaran pasir. Pengusaha berkenaan, didapati telah menyewakan tapaknya kepada pengusaha banchuan konkrit (mixer plant) yang mana lesen perniagaan dan pelan pembinaan telah diluluskan oleh Majlis Daerah Pekan. Pengusaha pasir telah mengambil kesempatan membekalkan pasir ke tapak ini tanpa mengisyiharkan kuantitinya kepada Pejabat Tanah. Surat telah dikemukakan kepada pengusaha untuk membekalkan maklumat berhubung pengeluaran pasir sepanjang tempoh berkenaan bagi tujuan mengutip balik royalti yang tidak dibayar. Maklum balas daripada syarikat berkenaan masih belum diterima setakat ini.**
- iii. Aktiviti yang dijalankan ini walaupun telah beroperasi sejak sekian lama namun keperluan untuk membayar royalti tidak disedari oleh pihak PTD kerana ia dijalankan di dalam kawasan atau berhampiran kawasan pengeluaran pasir. Ini secara langsung telah mengurangkan hasil daripada royalti pengeluaran pasir yang sepatutnya diterima.
- iv. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, pihak pemilik Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dengan pemilik Permit 4B yang menjalankan aktiviti Batu Blok dan Longkang di tapak kelulusan Simpanan Pasir Sungai (Stockpile) telah diarah untuk menghentikan aktiviti tersebut. Satu lagi kawasan yang menjalankan aktiviti yang sama bersebelahan telah disiasat mengikut Sek. 127 KTN dan dalam proses tindakan selanjutnya**

c. Kelulusan Pembaharuan Lesen Dan Permit

- i. Permohonan pembaharuan lesen dan permit di atas tanah Kerajaan dibuat menggunakan Borang 4B. Kuasa melulus diberikan kepada PTG seperti mana peruntukan Seksyen 70(a) KTN. Selain itu, tempoh kelulusan pengeluaran bahan batuan Permit 4B adalah untuk tempoh setahun iaitu dari bulan Januari hingga Disember. Sehubungan itu, setiap permohonan perlu diluluskan sebelum 1 Januari tahun berikutnya. Proses permohonan pembaharuan permit tidak memerlukan ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Perbandaran/Daerah dan Jabatan Alam Sekitar.
- ii. Semakan Audit mendapati kesemua permohonan pembaharuan Permit 4B telah diluluskan oleh PTG sebagaimana diperuntukkan dalam undang-undang. Bagaimanapun, berdasarkan semakan terhadap 39 rekod permohonan oleh pengusaha pasir sungai di PTD Bentong, Pekan dan Temerloh mendapati berlaku kelewatan terhadap kelulusan pembaharuan Permit 4B antara 20 hingga

41 hari. Bagi PTD Bentong, sebanyak 10 fail telah disemak dan didapati kesemua pengusaha telah memohon antara bulan Jun hingga Oktober 2013. Bagaimanapun, kelulusan oleh PTG hanya pada 10 Februari 2014 iaitu lewat 41 hari dari tarikh sepatutnya beroperasi pada 1 Januari 2014. Bagi PTD Pekan pula, sebanyak 11 fail telah disemak dan daripada jumlah tersebut, seramai 9 pengusaha pasir telah memohon antara bulan Jun hingga Oktober 2013, seorang memohon pada bulan November 2013 dan seorang lagi pada bulan Disember 2013. Kelulusan oleh PTG ialah pada 20 Januari 2014 iaitu berlaku kelewatan selama 20 hari daripada tarikh yang sepatutnya. Manakala bagi PTD Temerloh sebanyak 18 fail pengusaha pasir telah disemak. Daripada jumlah tersebut, seramai 16 pengusaha telah memohon antara bulan Jun hingga Oktober 2013. Seorang memohon pada bulan November 2013 manakala seorang lagi pada bulan Disember 2013. Kelulusan oleh PTG ialah pada 10 Februari 2014 iaitu berlaku kelewatan selama 41 hari dari tarikh sepatutnya. Butiran lanjut berkaitan permohonan pembaharuan serta kelulusan Permit 4B tahun 2014 bagi PTD Bentong, Pekan dan Temerloh adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Permohonan Pembaharuan Permit 4B Tahun 2014
Bagi PTD Bentong, Pekan Dan Temerloh

Bil.	PTD	Jumlah Fail Disemak	Bilangan Mohon Pada Jun Hingga Oktober 2013	Bilangan Mohon Pada November 2013	Bilangan Mohon Pada Bulan Disember 2013	Tarikh Kelulusan PTG	Tempoh Kelewatan Kelulusan Daripada 1 Januari 2014 (Hari)
1.	Bentong	10	10	-	-	10.02.2014	41
2.	Pekan	11	9	1	1	20.01.2014	20
3.	Temerloh	18	16	1	1	10.02.2014	41
Jumlah		39	35	2	2	-	-

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pahang

- iii. Semakan lanjut telah dilakukan terhadap 18 rekod pengusaha yang membaharui Permit 4B di PTD Temerloh. Didapati kelewatan kelulusan Permit 4B adalah disebabkan PTD Temerloh lewat memproses dan menghantar permohonan ke PTG untuk kelulusan. Didapati kesemua 18 permohonan telah diangkat ke PTG serentak melalui Kertas Ringkas pada 21 Januari 2014 setelah diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah pada 10 Januari 2014. Di dalam senarai tersebut termasuk pengusaha yang telah memohon lebih awal. Didapati seramai 5 pengusaha telah mengemukakan permohonan pada bulan Jun, 2 pada bulan Julai, 3 pada bulan Ogos, 3 pada bulan September 2013 dan 5 pada bulan Oktober hingga Disember 2013. PTD Temerloh mengambil masa di antara 33 hingga 230 hari untuk memproses permohonan sebelum dihantar ke PTG. Manakala PTG pula mengambil masa tidak sampai sebulan dari tarikh Kertas Ringkas diterima untuk proses kelulusan. Butiran proses permohonan

pembaharuan Permit 4B tahun 2014 bagi PTD Temerloh adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8

Proses Permohonan Pembaharuan Permit 4B PTD Temerloh Pada Tahun 2014

Bulan	Bilangan Pemohon	Tarikh Permohonan	Tarikh Hantar Permohonan Ke PTG	Tempoh Daripada Permohonan Hingga Tarikh Hantar Ke PTG	Tarikh Lulus PTG
Jun	5	06.06.2013 - 24.06.2013	21.01.2014	212 - 230 hari (7 - 7.6 bulan)	10.02.2014
Julai	2	02.07.2013 - 23.07.2013	21.01.2014	183 - 204 hari (6 - 7 bulan)	10.02.2014
Ogos	3	02.08.2013 - 21.08.2013	21.01.2014	154 - 173 hari (5 - 6 bulan)	10.02.2014
September	3	09.09.2013 - 25.09.2013	21.01.2014	119 - 135 hari (4 - 5 bulan)	10.02.2014
Oktober	3	01.10.2013 - 17.10.2013	21.01.2014	97 - 113 hari (3 - 4 bulan)	10.02.2014
November	1	25.11.2013	21.01.2014	58 hari (2 bulan)	10.02.2014
Disember	1	20.12.2013	21.01.2014	33 hari (1 bulan)	10.02.2014
Jumlah	18				

Sumber: PTD Temerloh

- iv. Sementara itu, didapati PTD Bentong, Pekan dan Temerloh telah membenarkan pengusaha memohon untuk mengeluarkan pasir daripada *stockpile* semasa menunggu kelulusan Permit 4B. Ia setelah mengambi kira rungutan pengusaha pasir kerana mereka tidak dapat menjalankan sebarang aktiviti disebabkan Permit 4B belum diluluskan sedangkan pada masa yang sama mereka menerima permintaan untuk membeli pasir. Kebenaran untuk membuat pengeluaran pasir daripada *stockpile* telah diberi kepada pengusaha yang memohon melalui Borang 4C dan diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Amalan seperti ini tidak dinyatakan dalam mana-mana peraturan tetapi hanya sebagai satu kaedah untuk mengatasi masalah kelewatan kelulusan Permit 4B. Bagaimanapun, PTD Bentong telah tidak mengamalkan lagi kaedah ini mulai tahun 2014. Sehubungan itu, pengusaha perlu menunggu sehingga Permit 4B mereka diluluskan sebelum boleh menjalankan sebarang operasi pengeluaran pasir. PTD Pekan dan Temerloh masih lagi mengamalkan kaedah ini. Bagaimanapun, didapati PTD Temerloh telah membenarkan pengusaha menjalankan aktiviti mengepam pasir daripada sungai, mengalih serta mengangkut pasir daripada *stockpile* semasa meluluskan Permit 4C tersebut. Keadaan ini adalah bertentangan dengan peraturan kerana aktiviti mengepam hanya boleh dijalankan setelah Permit 4B diluluskan kerana ia melibatkan operasi di atas tanah Kerajaan.

- v. Kelewatan kelulusan Permit 4B memberi kesan kepada pengusaha kerana mereka terpaksa menghentikan operasi sementara menunggu kelulusan seperti yang berlaku di PTD Bentong. Bagi pengusaha yang dibenarkan beroperasi melalui kelulusan Permit 4C, ia memberi kesan kepada PTD kerana terpaksa

meningkatkan pemantauan bagi memastikan pengusaha tidak menjalankan aktiviti mengepam pasir dalam tempoh tersebut.

- vi. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, PTG telah mengeluarkan APTN Bil. 10/2012 bagi mempercepatkan kelulusan Pembaharuan LPS Bercantum Permit. Semakan di PTG mendapati fail-fail permohonan diproses antara 13 hingga 17 hari sahaja dari tarikh penerimaan fail daripada Pejabat Tanah Daerah. PDT Bentong telah menyemak punca kelewatan memperbaharui Lesen Permit bagi 10 fail yang telah disemak dan mendapati bahawa proses kerja sebenarnya telah selesai pada 27 November 2013. Walau bagaimanapun, telah berlaku kelewatan dan 10 fail yang disemak ini adalah antara sebahagian fail yang telah terlepas pandang dalam proses penghantaran fail ke PTG. Semakan mendapati kelewatan ini adalah disebabkan oleh pertikaian prosedur membaharui lesen permit 4B sama ada perlu dihantar terus ke PTG atau dibawa senarai ke Mesyuarat JKPTD mengikut APTN 10/2012. Kes diuruskan oleh PPT(K/H) dan senarai fail diangkat ke JKPTD 8/2013 pada bulan Disember 2013 dan diangkat ke PTG pada bulan Januari 2014. Kebenaran penggunaan Permit Pasir 4C sementara menunggu keputusan membaharui LPS/Permit 4B semasa diperolehi dari JKPTD dan surat kelulusan Pentadbiran Unit Kuatkuasa jelas menyatakan tiada aktiviti proses mengepam atau menyedut pasir dari sungai dibenarkan selepas 1 Januari 2014 sehingga kelulusan diterima. PDT Pekan masih menggunakan kaedah yang sama iaitu memproses pembaharuan permit 4B bermula awal Oktober setiap tahun. Pengusaha akan menerima kelulusan permit selewat-lewatnya pertengahan Februari tahun berikutnya. Mulai 2014 PDT Pekan akan meminta semua pengusaha mengemukakan permohonan pembaharuan permit mulai bulan Jun untuk memastikan kelulusan permit diperolehi pada awal Januari tahun berikutnya. Apabila semua pengusaha mendapat kelulusan awal, maka tiada lagi penggunaan permit 4C dikeluarkan.**

d. **Kapasiti Kenderaan Tidak Menggambarkan Muatan sebenar**

- i. PTG telah mengeluarkan arahan melalui APTN Bil. 5/2008 bertarikh 8 September 2008 yang bertujuan bagi menyeragamkan proses pengiraan kuantiti muatan bahan batuan sebagaimana yang dicatat pada tiket. Sehubungan itu, pada Perenggan 3.1 arahan berkenaan telah dinyatakan kapasiti muatan bahan batuan mengikut jenis lori yang digunakan seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Kapasiti Muatan Bahan Batuan
Mengikut Jenis Lori

Jenis Lori	Kapasiti Muatan Bahan Batuan (MP)
2 gandar/4 tayar	3
2 gandar/6 tayar	8
3 gandar/10 tayar	10
4 gandar/12 tayar	16

Sumber: APTN Bil. 5/2008

- ii. Sementara itu, APTN Bil. 1/2010 bertarikh 21 Mei 2010 adalah berkaitan dengan pendaftaran lori/kenderaan darat bagi mengangkut bahan batuan. Mengikut APTN ini, setiap kenderaan darat boleh didaftarkan untuk tempoh 1, 3 atau 6 bulan dengan kadar bayaran masing-masing sejumlah RM25, RM75 dan RM150 seperti di **Jadual 1.10**. Setiap lori yang didaftarkan akan diberi stiker berdasarkan tempoh pendaftarannya dan hendaklah dipamerkan pada cermin hadapan. Kenderaan yang didaftarkan boleh beroperasi untuk mengambil atau menghantar bahan batuan ke mana-mana daerah dalam Negeri Pahang mengikut tempoh selama mana pendaftarannya berkuat kuasa.

Jadual 1.10
Kadar Bayaran Bagi Pendaftaran
Lori/Kenderaan Darat

Tempoh Penggunaan	Kadar (RM)
1 bulan	25.00
3 bulan	75.00
6 bulan	150.00

Sumber: APTN Bil. 1/2010

- iii. Semakan Audit di PTD Bentong, Pekan dan Temerloh mendapati berlaku kelemahan di antaranya seperti berikut:

- Kenderaan/lori membawa muatan lebih daripada yang dibenarkan. Semasa lawatan Audit ke satu tapak pengeluaran pasir sungai di daerah Pekan pada 5 Mac 2014 mendapati sebuah treler telah digunakan untuk mengangkut pasir. Pengukuran isi padu muatan terhadap treler berkenaan oleh Pegawai PTD Pekan semasa lawatan tersebut mendapati muatannya tidak kurang daripada 30 meter padu. Bagaimanapun, semakan terhadap Penyata Bulanan pengusaha berkenaan bagi bulan-bulan sebelumnya mendapati berat muatan yang diangkut menggunakan treler diisyiharkan di antara 10 hingga 16 meter padu sahaja. Ini bermakna pengusaha telah mengisyiharkan muatan yang dibawa oleh setiap treler kurang daripada yang sepatutnya antara 14 hingga 20 meter padu. Oleh itu, bagi setiap bahan batuan yang diangkut pihak Kerajaan akan menanggung kerugian dianggarkan sejumlah di antara RM42 hingga RM60. Sementara itu, APTN

Bil. 5/2008 menyatakan jenis lori yang digunakan bagi pengeluaran bahan batuan hanyalah sehingga 12 tayar dan kapasiti muatan sehingga 16 meter padu sahaja. Sedangkan treler yang digunakan mempunyai 22 tayar yang mampu membawa muatan sehingga 30 meter padu. Contoh muatan treler yang kurang diisyiharkan adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11

Contoh Penggunaan Treler Bagi Mengangkut Pasir Di Daerah Pekan

Bil.	Tarikh Pengeluaran	No. Tiket	No. Treler	Muatan Diisyihar (MP)	Muatan Sebenar (MP)	Beza Muatan (MP)	Anggaran Kerugian (RM)
1.	13.06.2012	31638	CCR 8938	10	30	20	60
2.	03.09.2012	53039	BLE 8981	16	30	14	42
3.	06.12.2012	68121	CCR 8938	16	30	14	42
4.	07.12.2012	68126	CCR 8938	16	30	14	42
5.	08.12.2012	68129	CCR 8938	16	30	14	42

Sumber: PTD Pekan

- Sementara itu, semasa lawatan itu juga didapati ada di antara lori yang digunakan telah diubah suai. Ia bertujuan bagi membolehkan muatan dibawa lebih daripada yang dibenarkan. Pengubahaian dibuat terhadap dinding lori dengan menambah ketinggiannya. Ada di antaranya telah ditambah sekali ganda daripada ketinggian asal. Ini menyebabkan muatan yang dibawa juga melebihi daripada yang dibenarkan tetapi muatan yang diisyiharkan dalam tiket adalah sebanyak muatan asal. Pengukuran oleh Pegawai PTD Pekan terhadap sebuah lori 12 tayar yang telah ditambah ketinggiannya mendapati muatannya telah bertambah daripada 16 meter padu kepada 26 meter padu iaitu penambahan sebanyak 10 meter padu. **Gambar 1.6** adalah contoh treler yang digunakan untuk mengangkut pasir. **Gambar 1.7** pula menunjukkan Pegawai PTD Pekan sedang melakukan pengukuran muatan terhadap sebuah lori 12 tayar yang menambah ketinggian dindingnya semasa lawatan berkenaan.

Gambar 1.6
Contoh Treler Yang Digenakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Rusa, Pekan
Tarikh: 5 Mac 2014

Gambar 1.7
Pengukuran Muatan Lori 12 Tayar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Rusa, Pekan
Tarikh: 5 Mac 2014

- Semakan Audit mendapati ada di antara lori yang digunakan telah tidak didaftarkan semasa mengangkut bahan batuan kerana tidak mempunyai stiker dan ada juga yang telah tamat tempoh pendaftaran kebenaran membawa bahan batuan. Pengusaha pula didapati langsung tidak memeriksa status setiap lori yang memasuki kawasan operasi mereka dengan alasan lori tersebut bukan milik mereka dan datang daripada luar. Perkara ini telah dapat dikesan semasa melakukan lawatan ke tapak operasi di 3 daerah berkenaan. Ini merupakan pelanggaran kepada APTN Bil. 1/2010 yang menghendaki setiap lori didaftarkan sama ada untuk tempoh 1, 3 atau 6 bulan dengan kadar RM25 sebulan. Butiran kes adalah seperti di **Jadual 1.12**. Manakala **Gambar 1.8** adalah di antara lori yang tiada stiker dan **Gambar 1.9** pula adalah di antara lori yang menggunakan stiker tamat tempoh.

Jadual 1.12
Pelanggaran Syarat Pendaftaran Lori

PTD	Lokasi	Tarikh Lawatan	No. Kenderaan	Jenis Kesalahan
Bentong	Empangan Repas Baru dan Lama	26.02.2014	WFT 3265	Stiker tamat tempoh
Pekan	Kuala Lepar	06.03.2014	JMB 6916	Tiada stiker
			JLS 6916	Stiker tamat tempoh
Temerloh	Kg. Tanjong Batu	13.03.2014	BMK 8339	Stiker tamat tempoh
			WQF 9505	Stiker tamat tempoh

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1.8
Lori Yang Tiada Mempunyai Stiker



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjong Batu, Temerloh
Tarikh: 13 Mac 2014

Gambar 1.9
Penggunaan Stiker Yang Telah Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tanjong Batu, Temerloh
Tarikh: 13 Mac 2014

- Penggunaan treler, mengubahsuai lori dengan tujuan membawa lebih muatan serta kegagalan pengusaha mengisytiharkan kuantiti sebenar muatan yang diangkut menyebabkan hasil royalti yang diterima oleh pihak Kerajaan berkurang daripada yang sepatutnya diterima. Manakala penggunaan lori yang tidak didaftarkan atau penggunaan stiker yang telah

tamat tempoh bukan sahaja melanggar APTN Bil. 1/2010 malah turut mengurangkan hasil Kerajaan daripada bayaran pendaftaran lori berkenaan.

- **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, PTG tiada halangan dengan penggunaan treler bagi mengangkut bahan batuan sepetimana dalam syarat kelulusan iaitu Pemegang Lesen adalah bertanggungjawab memastikan muatan maksimum kenderaan – Berat Dengan Muatan (BDM) dan kuantiti isipadu (meter padu) dipatuhi sepenuhnya oleh kenderaan yang digunakan untuk mengangkut bahan batuan. Kes-kes penggunaan kenderaan ini dipantau semasa menjalankan kerja-kerja rondaan dan akan diambil tindakan penguatkuasaan sekiranya bersalah. Berdasarkan pelanggaran syarat pendaftaran lori dalam Jadual 1.12, pentadbiran ini mengakui bahawa rondaan dan pemantauan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh pada setiap masa dan tertakluk kepada Jadual Perancangan Rondaan Unit Kuatkuasa. Semasa lawatan Audit dijalankan, Unit Kuatkuasa sedang memfokuskan kerja-kerja rondaan di kawasan Mukim Pelangi dan menyebabkan pemantauan di kawasan Empangan Repas, Mukim Bentong serta beberapa kawasan lain tidak sempat dilaksanakan. Bagi kes penggunaan kenderaan yang membawa muatan lebih, pihak JKR dimaklumkan untuk memberi ulasan had muatan lori yang dibenarkan melalui jalan-jalan di bawah selenggaraannya. APTN 5/2008 hanya dijadikan garis panduan untuk menentukan jumlah kuantiti yang diangkut dan perkara 14 syarat-syarat kelulusan yang dikeluarkan oleh PTG untuk Pemegang Lesen dirujuk. Penggunaan treler bagi mengangkut pasir di Kg. Tebat oleh 2 orang pengusaha didapati tidak didaftarkan dengan PDT Pekan sebaliknya didaftarkan dengan PDT Kuantan. Justeru, perkara ini tidak dapat dikesan sehingga lawatan mengejut dilakukan. Tindakan yang diambil adalah mencatatkan nombor-nombor pendaftaran lori-lori terbabit dan meminta pengusaha-pengusaha berkenaan mengemukakan sesalinan penyata pengeluaran seperti yang disyaratkan dalam APTN 1/80 dan 2/81. Jika terdapat perbezaan kepada kuantiti pengeluaran dengan tiket/doket, kuantiti lebihan akan dikutip semula. Jika lebihan kuantiti ini tidak dijelaskan, buku doket baru tidak akan dikeluarkan kepada pengusaha berkenaan. Bagi pengusaha yang telah mengubahsuai lori mereka, Pejabat Tanah akan meminta semua pengusaha terbabit untuk menghantar pelan badan lori seperti yang diluluskan oleh SPAD berserta gambar lori berkenaan untuk rekod.**

Pada pendapat Audit, aspek pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah kurang memuaskan. Ini kerana masih ada di antara kadar royalti yang tidak disemak semula dan menggunakan kadar yang tidak munasabah, kelewatan dalam proses kelulusan

pembaharuan lesen dan permit serta pelanggaran syarat penggunaan kenderaan/lori semasa mengangkut bahan batuan.

1.4.3. Pematuhan Syarat Lesen Dan Permit

1.4.3.1. Selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PTD semasa meluluskan lesen dan permit, pengusaha pasir sungai juga dikehendaki mematuhi syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh Jabatan lain seperti JPS. Tujuannya adalah bagi memastikan operasi pengeluaran pasir tidak menjadikan kualiti air sungai, mengelak daripada berlakunya runtuhan tebing sungai serta memelihara rizab sungai. Antara syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:

- a. Kedudukan seperti *hooper*, *stockpile*, kolam takungan dan bangunan hendaklah berada atau dibina sekurang-kurangnya 20 meter daripada tebing sungai.
- b. Menyediakan sekurang-kurangnya 2 kolam takungan untuk memerangkap pepejal terampai dan sisa mendapan sebelum air dilepaskan ke sungai.
- c. Mesin seperti jengkaut dilarang sama sekali berada dalam alur sungai.
- d. Pengusaha hendaklah mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasi apa-apa pencemaran seperti minyak, sampah sarap dan lain-lain.
- e. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, PTG telah diletakkan di dalam syarat-syarat kelulusan iaitu sebarang pelanggaran syarat peruntukan yang berkaitan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil dan permit akan dibatalkan dengan tidak membuat apa-apa bentuk pembayaran pampasan kepada pengusaha. Bagi kes di Sungai Cherpal, syarat 20 meter dari tebing sungai tidak dapat dipatuhi memandangkan lebar sungai adalah 9 meter dan tebing adalah 10 meter mengikut warta rizab sungai berkenaan. Permohonan ini diproses kerana tiada halangan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atas alasan kerja-kerja yang dijalankan adalah bagi mendalamkan sungai untuk mengatasi masalah banjir. Bagi kes Empangan Repas, projek ini adalah projek khas JPS bagi menaiktaraf isipadu empangan, menebang, membuang dan membersihkan kawasan empangan dan kolam takungan di Empangan Repas Lama dan Baru Mukim Bentong. PDT Bentong tidak diberi maklum akan syarat-syarat sebagai garis panduan terutamanya bilangan stockpile dan pam penyedut yang dibenarkan. Pengusaha pasir yang membuang sampah di Pulau Keladi telah dikeluarkan surat amaran bagi mematuhi kembali syarat permit. Pengusaha perlu membersihkan kembali tebing sungai tersebut atau pembaharuan lesen tidak dibenarkan.**

1.4.3.2. Lawatan Audit ke 18 tapak operasi pengambilan pasir sungai telah dilakukan di daerah Bentong, Pekan dan Temerloh. Didapati ada di antara pengusaha pasir telah gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti membina hanya satu kolam takungan, kedudukan *hooper/stockpile* kurang daripada 20 meter dari tebing sungai dan juga melonggok serta membuang sisa/sampah di tebing sungai. Butiran kegagalan pengusaha mematuhi syarat tersebut adalah seperti membina hanya satu kolam takungan, kedudukan *hooper/stockpile/kolam takungan* kurang 20 meter daripada tebing, jentera berat beroperasi di dalam alur sungai dan membuang sisa/sampah ke tebing sungai. **Gambar 1.10** menunjukkan *stockpile* berhampiran tebing sungai. Manakala **Gambar 1.11** menunjukkan sisa/sampah dibuang ke tebing sungai.

Gambar 1.10
Stockpile Berhampiran
Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Cherpai, Bentong
Tarikh: 25 Februari 2014

Gambar 1.11
Sampah Dibuang Ke
Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Keladi, Pekan
Tarikh: 5 Mac 2014

1.4.3.3. Kegagalan pengusaha mematuhi syarat telah memberi impak terhadap alam sekitar seperti menjadikan kualiti air sungai. Ini disebabkan air yang berkelodak masuk terus ke dalam sungai, berlakunya hakisan tebing dan pencemaran air sungai daripada sisa/ sampah yang di buang ke dalam sungai. Lawatan Audit ke sebuah tapak pengeluaran pasir sungai di daerah Bentong mendapati kesan yang amat serius telah berlaku disebabkan kerja-kerja pengeluaran yang tidak terkawal. Pengeluaran pasir adalah berkaitan dengan kerja menaik taraf isi padu empangan dan kolam takungan Empangan Repas Lama dan Baru, Bentong oleh JPS. Banyak pelanggaran syarat didapati telah dilakukan oleh pengusaha ini seperti kedudukan *hooper*, *stockpile* dan bangunan kurang daripada 20 meter dari tebing sungai. Sebanyak 3 lokasi *stockpile* telah diwujudkan di mana sepatutnya hanya satu sahaja yang dibenarkan. Selain itu, pengeluaran pasir dibuat dengan menggunakan 2 pam penyedut (*pontoon*) secara tidak terkawal. Ini telah menyebabkan berlakunya hakisan pada tebing sungai yang serius. Malah hakisan tersebut telah melampaui sempadan rizab sungai dan juga terlalu hampir dengan tanah persendirian. Pemilik tanah persendirian tersebut telah membuat aduan kepada PTD Bentong berkaitan masalah yang dihadapi. Air yang dipam juga telah disalurkan terus ke dalam sungai menyebabkan kualiti air telah terjejas teruk di bahagian empangan hingga ke hilir Sungai Repas. **Gambar 1.12** hingga **Gambar 1.15**

menunjukkan operasi pengeluaran pasir di kawasan Empangan Repas Lama dan Baru, Bentong serta kesannya.

Gambar 1.12
Pasir Dambil Menggunakan Pam Penyedut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Repas, Bentong
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 1.13
Hakisan Tebing Sungai Hingga KeSempadan Tanah Persendirian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Repas, Bentong
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 1.14
Keadaan Air Sungai Repas Di Kawasan Empangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Repas, Bentong
Tarikh: 26 Februari 2014

Gambar 1.15
Keadaan Air Di Hilir Sungai Repas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Repas, Bentong
Tarikh: 26 Februari 2014

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap syarat lesen dan permit adalah kurang memuaskan kerana pengusaha gagal mematuhi syarat tersebut dengan sepenuhnya sehingga memberi kesan terhadap alam sekitar serta orang awam.

1.4.4. Pemantauan Dan Penguatkuasaan

1.4.4.1. Unit Penguatkuasaan di setiap PTD bertanggungjawab untuk menjalankan operasi penguatkuasaan bagi memastikan syarat-syarat lesen dan permit dipatuhi. Semakan Audit di PTD Bentong, Pekan dan Temerloh mendapati Unit Penguatkuasaan tidak dapat menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan dengan berkesan. Kegagalan ini adalah disebabkan setiap PTD menghadapi kekurangan kakitangan

terutamanya di Unit Penguatkuasaan. Didapati pengisian sebenar perjawatan di Unit Penguatkuasaan adalah kurang berbanding bilangan perjawatan yang diluluskan mengikut waran. Kekurangan ini disebabkan Pentadbir Tanah Daerah telah membuat pengubahsuaian perjawatan secara pentadbiran bagi mengatasi masalah pengurusan dan pentadbiran di PTD. PTD Bentong, bilangan perjawatan mengikut waran perjawatan sebanyak 27 tetapi pengisian sebenar mengikut pentadbiran hanyalah sebanyak 11 iaitu kekurangan sebanyak 16. PTD Pekan pula perjawatan mengikut waran perjawatan adalah sebanyak 16 tetapi pengisian sebenar mengikut pentadbiran sebanyak 7 iaitu kekurangan sebanyak 9. Manakala bagi PTD Temerloh pula, perjawatan mengikut waran perjawatan adalah sebanyak 24 tetapi pengisian sebenar mengikut pentadbiran sebanyak 12 iaitu kekurangan sebanyak 12.

1.4.4.2. Selain itu, didapati Unit Penguatkuasaan tidak dapat menumpukan sepenuhnya terhadap tugas pemantauan dan penguatkuasaan kerana mempunyai beban kerja lain. Unit ini bukan sahaja menjalankan tugas yang berkaitan dengan pengeluaran bahan batuan tetapi juga tugas-tugas siasatan lain seperti permohonan tukar syarat tanah, pecah bahagian, rizab, lanjut tempoh pajakan dan juga kes-kes pencerobohan haram. Sekiranya terdapat kes, maka Unit ini juga terpaksa menyediakan Kertas Laporan, Kertas Siasatan, Laporan Pemantauan dan sebagainya. Didapati bilangan pengusaha pengeluaran tanah dan pasir bagi PTD Bentong pada tahun 2013 adalah sebanyak 42, Pekan sebanyak 46 dan Temerloh sebanyak 18.

1.4.4.3. Semakan Audit juga mendapati Unit Penguatkuasaan menghadapi masalah kekurangan kenderaan bagi tujuan rondaan dan penguatkuasaan. PTD Temerloh tidak mempunyai kenderaan yang dikhaskan untuk Unit Penguatkuasaan. Unit ini terpaksa menggunakan kenderaan secara guna sama dengan unit lain. PTD Bentong dan Pekan pula hanya mempunyai sebuah kenderaan Toyota Hilux yang dibeli masing-masing pada tahun 2004 dan 2012. Keadaan ini menyebabkan pergerakan Unit menjadi terhad.

1.4.4.4. Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 14 Mei 2014 menjelaskan, masalah ketiadaan kenderaan khas untuk tujuan penguatkuasaan dan kekurangan kakitangan di Unit Kuatkuasa menyukarkan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan. Senarai perjawatan dan kenderaan. Bersetuju dengan penemuan Audit ini dan berharap agar masalah tersebut dapat ditambahbaik supaya bersesuaian dengan beban tugas yang dilaksanakan. Pemantauan dan Penguatkuasaan sukar dijalankan kerana masalah kekurangan kakitangan di Unit Kuatkuasa serta ketiadaan kenderaan khas untuk Unit Kuatkuasa menjalankan tugas. Pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa ke lokasi ‘hotspot’ pengeluaran pasir bagi memastikan para pengusaha mematuhi semua arahan dan peraturan yang berkuatkuasa mengikut keupayaan semasa. Kekangan dari segi kekurangan kakitangan juga menyukarkan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan.

Pada pendapat Audit, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan disebabkan masalah kekurangan kakitangan, beban tugas serta kekurangan kenderaan untuk pergerakan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dapat dilaksanakan dengan berkesan serta meningkatkan hasil kepada Kerajaan, pihak Audit mengesyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG), Pentadbir Tanah Daerah (PTD) serta pihak yang terlibat mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.5.1. Menyemak semula kadar royalti *laterite* dan bata dengan menaikkannya kepada kadar yang lebih munasabah. Penggunaan ukuran isi padu muatan (Meter Padu) dalam menentukan kadar royalti terhadap bahan batuan seperti tanah, *laterite* dan pasir ditukar kepada ukuran berat dalam metrik supaya selaras dengan ukuran yang diguna pakai oleh JPJ serta dapat meningkatkan hasil Kerajaan.

1.5.2. PTG perlu menetapkan tempoh akhir penyerahan permohonan membaharui lesen dan permit selewat-lewatnya pada bulan Oktober supaya kelulusan dapat diberikan sebelum bulan Januari tahun berikutnya.

1.5.3. PTD hendaklah memastikan pengusaha yang gagal mematuhi syarat pengeluaran tidak diberi peluang untuk membaharui lesen dan permit pada masa yang akan datang.

1.5.4. PTD hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan supaya pengusaha sentiasa mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, bilangan kakitangan serta kenderaan di Unit Penguatkuasaan perlu ditambah bagi memantapkan lagi tugas pemantauan dan penguatkuasaan.

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH MAJLIS DAERAH ROMPIN

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan adalah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah disalurkan melalui Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

2.1.2. Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) dan Majlis Daerah Rompin (MDR) telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM103.46 juta. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1** Bagi tempoh tersebut sebanyak 11 perolehan kerja yang berjumlah RM19.17 juta dilaksanakan melalui kaedah tender manakala 467 atau RM72.70 juta perolehan melalui kaedah sebut harga dan 4026 perolehan kerja dan bekalan yang berjumlah RM11.59 juta dilaksanakan melalui kaedah perolehan terus.

Jadual 2.1
Perolehan Majlis Perbandaran Temerloh Dan Majlis Daerah Rompin
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Bil.	PBT	Jenis Perolehan						Jumlah	
		Perolehan Terus		Sebut Harga		Tender			
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
1.	MPT	3,676	11.10	304	42.41	7	11.75	3,987	65.26
2.	MDR	350	0.49	163	30.29	4	7.42	517	38.20
Jumlah		4,026	11.59	467	72.70	11	19.17	4,504	103.46
(%)		89.4	11.2	10.4	70.3	0.2	18.5	100	100

Sumber: Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Daerah Rompin

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan telah dirancang serta diurus dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan perolehan oleh MPT dan MDR bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan bagi sampel yang dipilih serta mengkaji dan menganalisis data yang terlibat. Selain itu, pengesahan fizikal dan lawatan ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2013 hingga Januari 2014 mendapati pengurusan perolehan di MPT dan MDR adalah memuaskan. Prosedur perolehan telah dilaksanakan dengan baik serta Jawatankuasa Tender Dan Sebut Harga juga telah diwujudkan. Bagaimanapun, daripada 196 sampel fail perolehan yang diaudit terdapat 33 (16.8%) fail tender dan sebut harga yang mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan terlalu lama.
- Pengesahan siap kerja lewat dibuat.
- Kelewatan penyerahan Borang Inden Kerja oleh kontraktor.
- Projek siap tetapi masih belum digunakan.
- Projek lewat disiapkan.

2.4.1. Tempoh Lanjutan Masa Yang Diluluskan Terlalu Lama

2.4.1.1. Tempoh lanjutan masa adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga seperti digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009. Semakan Audit terhadap 68 sampel tender dan sebut harga di MPT dan MDR mendapati 40 tender/sebut harga telah diluluskan lanjutan masa. Antara alasan yang diberikan oleh kontraktor adalah faktor cuaca, perubahan kerja, masalah pekerja dan bahan binaan lewat sampai ke tapak. Bagaimanapun, ada sebahagian permohonan lanjutan masa oleh pihak kontraktor tidak menyatakan alasan atau sebab lanjutan masa. Selain itu, kelulusan permohonan lanjutan masa oleh pihak PBT juga tidak menyatakan justifikasi bagi lanjutan masa tersebut.

2.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh lanjutan masa yang diluluskan itu adalah lebih panjang daripada tempoh asal sebut harga yang telah diperakurkan oleh Jawatankuasa Tender Dan Sebutharga dan telah disetuju terima oleh kontraktor. Analisis Audit terhadap tempoh lanjutan masa yang diluluskan ini mendapati 24 tender/sebut harga telah diluluskan tempoh lanjutan masa melebihi 100% daripada tempoh masa asal projek seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
**Tempoh Lanjutan Masa Yang Diluluskan Oleh Majlis Perbandaran Temerloh
Dan Majlis Daerah Rompin**

Bil.	Nombor Tender/ Sebut harga	Nilai Projek (RM)	Tempoh Siap Projek Asal (Minggu)	Tempoh Lanjutan Masa Yang Diluluskan			Catatan
				Bilangan (kali)	Minggu	Peratus (%)	
1.	MPT:S-9/2011	113,500	8	3	12	150	Siap
2.	MPT:S-20/2011	168,550	3	1	3	100	Siap
3.	MPT:S-35/2011	176,800	4	2	11	275	Siap
4.	MPT:S-58/2011	165,055	4	2	14	350	Siap
5.	MPT:S-10/2011	357,390	10	2	13	130	Siap
6.	MPT:S-38/2012	378,780	16	2	20	125	Siap
7.	MPT:S-20/2012	435,000	5	1	6	120	Siap
8.	MPT:S-12/2012	281,560	7	2	12	171	Siap
9.	MPT:S-15/2012	484,687	24	3	27	113	Siap
10.	MPT:S-19/2012	499,900	6	1	6	100	Siap
11.	MPT:S-25/2012	398,480	7	1	8	114	Siap
12.	MPT:S-32/2013	276,050	10	1	10	100	Dalam proses pembinaan
13.	MPT:S-05/2013	142,524	7	3	28	400	Siap
14.	MDR/SH/09/2011	177,750	8	1	12	150	Siap
15.	MDR/SH/16/2011	160,000	6	1	6	100	Siap
16.	MDR/SH/21/2011	422,570	12	2	16	133	Siap
17.	MDR/SH/21/2012	360,000	9	2	25	278	Siap
18.	MDR/SH/53/2012	235,550	6	1	13	217	Siap
19.	MDR/SH/57/2012	171,775	8	3	33	413	Siap
20.	MDR/SH/34/2012	412,550	15	2	30	200	Siap
21.	MDR/SH/11/2013	498,200	8	2	8	100	Siap
22.	MDR/SH/16/2013	277,600	8	4	16	200	Siap
23.	MDR/SH/02/2013	159,910	6	1	7	117	Siap
24.	MDR/SH/29/2013	332,400	6	2	6	100	Siap

Sumber: Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Daerah Rompin.

2.4.1.3. Maklum balas yang diterima daripada MPT bertarikh 17 Mac 2014 menjelaskan, secara umumnya jawatankuasa yang mempertimbangkan tawaran kontraktor lebih fokus kepada harga dan tidak kepada tempoh siap sesuatu projek. Dari segi pekeliling juga tidak menyebut dengan jelas had tempoh lanjutan masa boleh dilaksanakan dan kebanyakannya projek yang terlibat adalah pembinaan bangunan. Bagaimanapun, untuk penambahbaikan, pihak Majlis akan menentukan julat tempoh bagi projek pembinaan bangunan dan tempoh lanjutan masa yang dibenarkan tidak melebihi 50% daripada tempoh asal projek, sekiranya gagal denda akan dikenakan.

2.4.1.4. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 31 Mac 2014 menjelaskan, lanjutan masa diluluskan adalah supaya projek-projek yang sedang dilaksanakan dapat disiapkan dengan sempurna mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, tempoh lanjutan masa yang terlalu lama boleh menyebabkan matlamat pembinaan projek lambat dicapai.

2.4.2. Pengesahan Siap Kerja Lewat Dibuat

2.4.2.1. Pegawai Penyelia Kerja hendaklah membuat pengesahan bagi memastikan kerja telah disiapkan dengan sempurna dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan sebelum pembayaran dibuat. Semakan Audit terhadap 31 sampel sebut harga di MDR mendapati, 15 sebut harga menunjukkan pengesahan kerja telah disiapkan dengan sempurna dan memuaskan oleh Pegawai Penyelia Kerja MDR mengambil masa antara 5 hingga 34 minggu daripada tarikh inden diterima atau perakuan siap kerja oleh kontraktor seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Tempoh Pengesahan Siap Kerja Oleh Majlis Daerah Rompin

Bil.	Nombor Tender/ Sebut Harga	Tarikh			Tempoh (Minggu)
		Perakuan Kontraktor	Inden Diterima MDR	Pengesahan Oleh MDR	
1.	MDR/SH/09/2011	14.03.2012	14.03.2012	10.05.2012	7
2.	MDR/SH/13/2011	23.05.2012	23.05.2012	15.08.2012	11
3.	MDR/SH/16/2011	23.01.2012	23.01.2012	22.03.2012	8
4.	MDR/SH/21/2011	17.05.2012	17.05.2012	22.06.2012	5
5.	MDR/SH/23/2011	23.07.2012	23.07.2012	29.08.2012	5
6.	MDR/SH/27/2012	02.07.2012	02.07.2012	01.10.2012	12
7.	MDR/SH/02/2012	21.05.2012	21.05.2012	10.08.2012	11
8.	MDR/SH/01/2012	28.05.2012	28.05.2012	10.08.2012	10
9.	MDR/SH/21/2012	11.01.2013	11.01.2013	10.09.2013	34
10.	MDR/SH/53/2012	07.03.2013	07.03.2013	12.04.2013	5
11.	MDR/SH/57/2012	12.08.2013	12.08.2013	29.10.2013	11
12.	MDR/SH/07/2013	17.04.2013	17.04.2013	12.06.2013	8
13.	MDR/SH/11/2013	16.07.2013	16.07.2013	09.10.2013	11
14.	MDR/SH/12/2013	17.07.2013	17.07.2013	03.09.2013	7
15.	MDR/SH/15/2013	20.08.2013	20.08.2013	07.10.2013	7

Sumber: Majlis Daerah Rompin.

2.4.2.2. **Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 31 Mac 2014 menjelaskan, pengesahan kerja lewat dibuat adalah disebabkan faktor-faktor seperti kontraktor sering menghantar dokumen yang tidak lengkap, kontraktor lewat menghantar dokumen sokongan, pelarasan semula harga perlu dibuat bagi projek yang terlibat dengan perubahan kerja serta pegawai yang terlibat di MDR sering menghadiri kursus dan mesyuarat. Perkara ini akan dibuat penambahbaikan pada masa akan datang.**

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam membuat pengesahan siap kerja oleh PBT boleh menjaskan aliran tunai kontraktor kecil serta imej Majlis.

2.4.3. Kelewatan Penyerahan Borang Inden Kerja Oleh Kontraktor

2.4.3.1. Semakan Audit terhadap 31 sampel sebut harga di MDR juga mendapati 5 sebut harga mencatatkan tarikh perakuan siap kerja oleh kontraktor mengambil masa antara 31 hingga 148 hari daripada tarikh siap kerja yang sepatutnya seperti di **Jadual 2.4.** Bagi memastikan kontraktor telah menyiapkan kerja mengikut tempoh waktu yang ditetapkan, MDR perlu memastikan perakuan siap kerja ini diserah dengan segera oleh kontraktor. Selain itu pihak MDR juga sepatutnya mengeluarkan surat Perakuan Kerja Tidak Disiapkan supaya denda lewat boleh dikenakan kepada kontraktor.

Jadual 2.4
Tempoh Perakuan Siap Kerja Oleh Kontraktor

Bil.	Sebut Harga	Tarikh		Kelewatan (Hari)
		Kerja Patut Disiapkan	Perakuan Kontraktor	
1.	MDR/SH/31/2012	12.09.2012	06.11.2012	54
2.	MDR/SH/02/2012	09.04.2012	21.05.2012	41
3.	MDR/SH/01/2012	09.04.2012	28.05.2012	48
4.	MDR/SH/23/2011	27.02.2012	23.07.2012	148
5.	MDR/SH/12/2013	17.06.2013	17.07.2013	31

Sumber: Majlis Daerah Rompin.

2.4.3.2. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 31 Mac 2014 menjelaskan, kelewatan penyerahan Borang Inden Kerja oleh kontraktor adalah kerana pihak kontraktor lambat membuat tuntutan projek siap menyebabkan pembayaran tertangguh terlalu lama. Selain itu terdapat juga aduan kerosakan selepas kerja diserahkan dan kerja pemberian mengambil masa yang lama untuk disiapkan serta kontraktor tidak membuat permohonan lanjutan masa.

Pada pendapat Audit, kelewatan penyerahan Borang Inden Kerja oleh kontraktor menyukarkan Majlis untuk memastikan tarikh sebenar kerja disiapkan.

2.4.4. Projek Siap Tetapi Masih Belum Digunakan.

2.4.4.1. Semakan Audit terhadap fail projek Projek Menaiktaraf Tapak Jaja, Taman Temerloh Jaya (MPT:T 61/1 – 2012) dan Projek Mengubahsuai Bangunan Pasar Lama Kepada Kompleks Bazar Bandar Kuala Rompin (MDR/T/2/2012) mendapati projek ini telah disiapkan dan diserah kepada PBT pada bulan Oktober 2013 seperti di **Jadual 2.5.**

Jadual 2.5
Tarikh Sebenar Kerja Disiapkan Dan Penyerahan Kepada PBT

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Nombor Tender	Tarikh Sebenar Siap/ Tarikh Penyerahan Oleh Kontraktor
1.	Majlis Perbandaran Temerloh	MPT:T 61/1-2012	09/10/2013
2.	Majlis Daerah Rompin	MDR/T/2/2012	31/10/2013

Sumber: Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Daerah Rompin

2.4.4.2. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 4 Disember 2013 dan 21 Januari 2014 mendapati ruang premis ini yang berjumlah 46 unit gerai terdiri daripada gerai makan dan tapak jaja di Taman Temerloh Jaya dan 43 unit kedai di Kompleks Bazar Kuala Rompin masih belum disewakan kepada penyewa yang berkelayakan seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Jaja Taman Temerloh Jaya
Tarikh: 4 Disember 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Jaja Taman Temerloh Jaya
Tarikh: 4 Disember 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Bazar, Kuala Rompin
Tarikh: 21 Januari 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Bazar, Kuala Rompin
Tarikh: 21 Januari 2014

2.4.4.3. Kelewatan penyewaan premis ini menyebabkan pihak PBT tidak memperoleh hasil sewaan serta terpaksa menanggung kos penyenggaraan jika berlaku kerosakan pada premis tersebut. Selain itu pihak Audit juga mendapati kawalan keselamatan masih belum diwujudkan di tapak projek sehingga berlaku perbuatan vandalisme seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**.

Gambar 2.5
Jeriji Besi Pintu Tandas Yang Diumpil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Jaja, Taman Temerloh Jaya
Tarikh: 4 Disember 2013

Gambar 2.6
Penutup Longkang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Jaja Taman Temerloh Jaya
Tarikh: 4 Disember 2013

2.4.4.4. Maklum balas yang diterima daripada MPT bertarikh 17 Mac 2014 menjelaskan, Jabatan Kejuruteraan telah menyerahkan aset kepada Bahagian Pelesenan MPT. Pengisian premis adalah di luar kawalan MPT kerana mesyuarat penuh telah memutuskan mana-mana penyewa premis MPT perlu diangkat kepada pihak berkaitan terlebih dahulu.

2.4.4.5. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 31 Mac 2014 menjelaskan, Kelewatan menyewakan kompleks bazar di Kuala Rompin adalah disebabkan permohonan yang diterima adalah terlalu banyak. Sehubungan itu 5 siri temuduga telah diadakan bermula 20 Januari 2014 hingga 6 Februari 2014. Selain itu pemilihan dan penetapan lot gerai pula akan diadakan pada 2 Februari 2014 hingga 4 Mac 2014. Peniaga akan membuat urusan pembayaran dan menandatangani perjanjian pada bulan Mac 2014 dan bazar ini akan mula beroperasi pada 1 April 2014.

Pada pendapat Audit, setiap projek yang telah siap hendaklah disewa atau diserah segera bagi mengelak kos tambahan akibat kerosakan dan vandalisme serta kehilangan hasil Majlis.

2.4.5. Projek Lewat Siap

2.4.5.1. Semakan Audit terhadap fail projek Membina Dan Menyiapkan 8 Unit Rumah Batu 3 Bilik Dan 2 Unit Rumah Batu 2 Bilik Di Kg. Perepat, Kg Sepakat Dan Pontian Kuala Rompin Pahang (MDR/SH/21/2013) yang bernilai RM386,599 mendapati projek ini masih dalam pembinaan. Projek ini sepatutnya disiapkan pada 25 November 2013 iaitu bagi tempoh 18 minggu. Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 lanjutan masa telah diluluskan iaitu lanjutan masa pertama dari 25 November hingga 23 Disember 2013 (4 minggu) dan lanjutan masa kedua dari 23 Disember 2013 hingga 10 Februari 2014 (7 minggu).

2.4.5.2. Lawatan Audit ke tapak projek pada 21 Januari 2014 mendapati 8 unit rumah batu 3 bilik di Kg. Perepat masih dalam proses pembinaan seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**. Manakala 2 unit rumah batu 2 bilik di Kg. Sepakat dan Pontian Kuala Rompin masih belum dibina.

Gambar 2.7
Projek Membina Dan Menyiapkan 8 Unit Rumah Batu 3 Bilik
Di Kg. Perepat Kuala Rompin Masih Dalam Proses Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Perepat, Kuala Rompin
Tarikh: 18 Disember 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Perepat, Kuala Rompin
Tarikh: 18 Disember 2013

2.4.5.3. Maklum balas yang diterima daripada MDR bertarikh 31 Mac 2014 menjelaskan, projek lewat disiapkan adalah kerana masalah banjir menyebabkan jalan perhubungan terputus dan menyukarkan kontraktor untuk masuk ke tapak projek. Selain itu satu unit rumah batu 2 bilik di Kg. Sepakat telah dialihkan ke Kampung Perepat kerana masalah tanah, dan kini dalam proses pembinaan. Manakala satu unit rumah batu 2 bilik di Pontian Kuala Rompin juga sedang dalam proses pembinaan. Surat peringatan pertama telah dikeluarkan kepada kontraktor serta pembayaran masih belum dibuat kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, setiap projek yang dilaksanakan hendaklah disiapkan mengikut tempoh yang sepatutnya supaya manfaatnya dapat dinikmati segera.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan PBT dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan adalah disyorkan Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Daerah Rompin mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Memastikan tempoh lanjutan masa yang diluluskan adalah dikawal dan setiap alasan yang diberi oleh kontraktor hendaklah diteliti sewajarnya supaya tempoh penyiapan projek adalah dipatuhi.

2.5.2. Memastikan pengesahan siap kerja dilaksanakan segera sebaik sahaja kontraktor menyerahkan Borang Inden Kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.

2.5.3. Memastikan setiap projek yang telah siap dibina, diguna segera mengikut tujuan pembinaannya.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH MARAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH TEMERLOH**

3. PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Tanah Rizab Melayu (TRM) adalah tanah yang dirizabkan kepada orang Melayu sebelum Merdeka seperti mana dinyatakan dalam Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Takrifan Melayu seperti mana dinyatakan dalam Enakmen Rizab Melayu (ERM) 1933 (Negeri Melayu Bersekutu Bab 142) adalah mempunyai 3 faktor iaitu hendaklah berketurunan Melayu atau Malayan (kecuali Kedah dan Perlis yang turut mengiktiraf keturunan Arab), lazimnya bercakap Melayu atau Malayan dan beragama Islam. Takrifan "Melayu" kepada Syarikat Melayu seperti mana dinyatakan dalam Seksyen 2, ERM adalah ketiga-tiga unsur berikut wujud serentak dalam satu-satu masa iaitu Syarikat hendaklah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 iaitu Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Kerjasama yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Kerjasama 1946 tidak boleh diambil kira, kesemua ahlinya hendaklah Melayu atau Syarikat Melayu yang ditafsirkan sebagai Melayu, dan ada diperuntukkan secara hitam putih di dalam undang-undang tubuhnya bahawa penjualan saham-saham syarikat itu hanya pada Melayu atau syarikat Melayu sahaja.

3.1.2. Objektif TRM diwujudkan adalah bagi menyekat tanah di dalam kawasan Rizab Melayu daripada dilupuskan dengan apa cara kepada pihak lain dan menyekat TRM daripada dibuat apa-apa urusniaga persendirian di antara Melayu dan pihak lain. Bagi mengawal kepentingan tersebut, Enakmen Rizab Melayu 1913 (ERM) dikuatkuasakan di negeri-negeri yang dahulunya dikenali nama Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Bagaimanapun, Menteri Besar dengan kelulusan Raja Dalam Mesyuarat Kerajaan boleh melupuskan TRM dan mengisyiharkan secara warta mana-mana tanah di dalam Negeri sebagai satu Rizab Melayu, tertakluk kepada Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

3.1.3. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG) selaku Pentadbir Tanah Negeri adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus TRM di Negeri Pahang. Manakala, Pejabat Daerah Dan Tanah selaku Pentadbir Tanah Daerah (PTD) bertanggungjawab terhadap TRM di peringkat daerah. Mandat untuk mentadbir tanah di daerahnya adalah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) diperuntukkan di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara 1965.

3.1.4. Mengikut rekod Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), sehingga akhir tahun 2013 keluasan tanah di Negeri Pahang adalah 3,597,376.97 ha manakala keluasan TRM adalah 436,910.47 ha.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Tanah Rizab Melayu dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mematuhi perundangan yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pewartaan perizaban, pembatalan, penggantian dan endorsan pemilikan tanah bagi tempoh sehingga tahun 2013. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan di 4 Pejabat Daerah Dan Tanah iaitu Jerantut, Kuantan, Maran dan Temerloh. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan dengan pengurusan TRM. Temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke lot tanah berkenaan bagi mengesahkan keluasan dan kedudukannya juga dilaksanakan. Selain itu, data berkaitan TRM diperoleh daripada PTG, PTD dan JUPEM.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pengurusan TRM adalah baik dari segi jumlah keluasan tanah yang diganti telah melebihi daripada keluasan yang dibatalkan. Peratus keluasan TRM daripada keluasan Negeri Pahang selepas merdeka adalah 12.1% berbanding sebelum merdeka adalah 8.8% iaitu telah meningkat sebanyak 3.3%. Bagaimanapun, beberapa penemuan berikut perlu diberi perhatian sewajarnya.

- Peratus perizaban yang belum warta di 4 Daerah adalah 78.1% pada 31 Disember 2013.
- Sebanyak 13 kes pembatalan belum diwartakan.
- Sebanyak 65 kes penggantian belum selesai iaitu 14 kes belum ganti dan 51 kes dalam tindakan pengesanan fail.
- 14.7% geran TRM masih belum diendors sebagai TRM dan 90.1% geran Orang Melayu belum diendors Pegangan Melayu (Seksyen 6).
- Daftar/Rekod TRM tidak dikemas kini.
- Pemantauan TRM kurang memuaskan.

3.4.1. Keluasan Tanah Rizab Melayu

3.4.1.1. Mengikut Perkara Kedua, Wasiat Raja-Raja Melayu yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957 bahawa tanah simpanan melayu di sesuatu negeri di Malaysia hendaklah dikenalkan luasnya tidak kurang daripada separuh atau 50% keluasan tanah di sesuatu negeri. Keluasan tersebut tidak termasuk luas sungai, hutan simpan dan gunung-ganang. Perkara yang dinyatakan dalam wasiat tersebut adalah selari dengan peruntukan Perkara 89 Perlumbagaan Persekutuan yang menyatakan mana-mana tanah Negeri yang merupakan tanah simpanan Melayu sebelum Hari Merdeka boleh terus menjadi tanah Simpanan Melayu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri dengan suatu Enakmen. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2013 keluasan tanah Negeri Pahang adalah 3,597,376.97 ha. Manakala, keluasan TRM adalah 436,910.47 ha. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1

Keluasan Tanah dan Tanah Rizab Melayu Sebelum Merdeka Dan Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Daerah	Sebelum Merdeka			Pada 31 Disember 2013		
		Anggaran Keluasan Tanah (ha)	Keluasan TRM		Keluasan Tanah (ha)	Keluasan TRM (ha)	
			(ha)	(%)		(ha)	(%)
1.	Bentong	184,329.73	4,452.63	2.4	184,329.73	5,034.86	2.7
2.	Bera	221,456.05	24,616.06	11.1	221,456.05	38,536.85	17.4
3.	Cameron Highlands	-	-	-	68,466.75	2,682.79	3.9
4.	Jerantut	720,633.46	35,899.37	5.0	720,633.46	96,734.35	13.4
5.	Kuantan	305,706.89	23,133.50	7.6	305,706.89	31,656.05	10.4
6.	Lipis	540,778.00	12,625.01	2.3	540,778.00	56,825.79	10.5
7.	Maran	197,819.71	76,256.18	38.5	197,819.71	60,760.42	30.7
8.	Pekan	370,961.06	53,294.51	14.4	370,961.06	52,260.44	14.1
9.	Raub	301,374.43	12,585.60	4.2	232,907.68	13,582.37	5.8
10.	Rompin	527,270.23	15,232.40	2.9	527,270.23	19,355.32	3.7
11.	Temerloh	227,047.41	57,402.73	25.3	227,047.41	59,481.23	26.2
Jumlah		3,597,376.97	315,497.99	8.8	3,597,376.97	436,910.47	12.1

Sumber: Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

3.4.1.2. Analisis Audit mendapati peratus keluasan TRM di Negeri Pahang daripada keluasan tanah keseluruhan selepas merdeka adalah 12.1%. Perbandingan antara keluasan TRM sekarang dan sebelum merdeka mendapati peningkatan sebanyak 3.3%. Berdasarkan peratusan tersebut adalah didapati keluasan TRM di Negeri Pahang pada masa sekarang telah melebihi keluasan sebelum merdeka walaupun peratus keluasan TRM kurang daripada 50%. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, keluasan TRM di Negeri Pahang tidak mencapai 50% daripada keluasan tanah Negeri tetapi Pihak Berkusa Negeri memastikan keluasan TRM sedia ada dikenalkan. Selain itu, keluasan TRM yang diisyiharkan bertambah daripada 8.8% (sebelum merdeka) kepada 12.1% pada 31 Disember 2013.**

3.4.1.3. Perubahan keluasan TRM disebabkan berlakunya pembatalan dan penggantian kerana pelbagai tujuan seperti untuk pembangunan industri, pertanian dan perumahan. Sehingga 31 Disember 2013, keluasan TRM yang telah dibatalkan adalah 42,548.32 ha dan jumlah keluasan yang diganti adalah 54,714.96 ha. Jumlah keluasan yang digantikan adalah melebihi daripada yang dibatalkan iaitu sebanyak 12,166.64 ha. Keluasan tanah, pembatalan dan penggantian sehingga 31 Disember 2013 seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2

Keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Pahang Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Daerah	Keluasan TRM			Baki	
		Keseluruhan (ha)	Pembatalan (ha)	Penggantian (ha)	Jumlah (ha)	(%)
1.	Bentong	5,034.86	898.29	725.12	(173.17)	(19.3)
2.	Bera	38,536.85	3,325.70	5,535.88	2,210.18	66.5
3.	Cameron Highland	2,682.79	0.00	2,682.79	2,682.79	0
4.	Jerantut	96,734.35	923.02	1,084.72	161.70	17.5
5.	Kuantan	31,656.05	6,400.31	10,273.87	3,873.56	60.5
6.	Lipis	56,825.79	2,087.70	5,180.88	3,093.18	148.2
7.	Maran	60,760.42	12,098.69	13,406.44	1,307.75	10.8
8.	Pekan	52,260.44	4,287.25	3,591.55	(695.70)	(16.2)
9.	Raub	13,582.37	4,305.46	5,345.73	1,040.27	24.2
10.	Rompin	19,355.32	235.79	4,361.91	4,126.12	1749.9
11.	Temerloh	59,481.23	7,986.11	2,526.07	(5,460.04)	(68.4)
Jumlah		436,910.47	42,548.32	54,714.96	12,166.64	28.6

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang

Pada pendapat Audit, matlamat 50% keluasan TRM daripada keseluruhan keluasan Negeri Pahang adalah bertambah baik kerana sebelum merdeka, keluasan TRM adalah 8.8% daripada keseluruhan dan ia telah meningkat kepada 12.1% pada 31 Disember 2013. Selain itu, keluasan TRM yang diganti telah melebihi pembatalan sebanyak 12,166.64 ha iaitu 28.6% peningkatan.

3.4.2. Prestasi Pewartaan Tanah Rizab Melayu

Mengikut Seksyen 3 ERM, kawasan yang dikenal pasti oleh PTD atau PBN sebagai TRM dan telah dilulus untuk dirizabkan atau untuk dibatalkan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan, hendaklah diisyiharkan melalui pewartaan. Seksyen 4 ERM pula menyatakan jika mananya kawasan TRM itu dibatalkan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya maka satu kawasan lain yang sama jenisnya dan luasnya dengan kawasan yang dibatalkan itu hendaklah dengan serta merta diisyiharkan sebagai "Tanah Rizab Melayu". Sekiranya, tiada penggantian dibuat, pembatalan itu adalah tidak sah. Tujuan pewartaan tersebut adalah untuk mengawal TRM yang dibatalkan supaya dapat dibuat penggantian serta merta. Selain itu, Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang Bil. 5/1996 telah menggariskan panduan kepada PTD mengenai tatacara pengurusan TRM. Semakan Audit mendapati:

3.4.2.1. Pewartaan Perizaban TRM

- a. Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah 32 kes TRM telah diluluskan untuk pewartaan di Daerah Jerantut, Kuantan, Maran dan Temerloh. Bagaimanapun, hanya 7 kes sudah diwartakan iaitu 21.9% daripada 32 kes TRM yang telah diluluskan untuk pewartaan. Manakala baki sebanyak 25 kes atau 78.1% daripada 32 kes masih belum warta. Statistik pewartaan perizaban TRM sehingga 31 Disember 2013 seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

**Statistik Pewartaan Perizaban Tanah Rizab Melayu di Negeri Pahang
Sehingga 31 Disember 2013**

Bil.	Daerah	Jumlah Kes			
		Lulus (Bil.)	Warta		Baki Belum Warta (Bil.)
1.	Jerantut	6	1 (Bil.)	16.7 (%)	5 (Bil.)
2.	Kuantan	18	5 (Bil.)	27.8 (%)	13 (Bil.)
3.	Maran	4	1 (Bil.)	25.0 (%)	3 (Bil.)
4.	Temerloh	4	0 (Bil.)	0 (%)	4 (Bil.)
Jumlah		32	7 (Bil.)	21.9 (%)	25 (Bil.)
					78.1 (%)

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

- b. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, dengan nombor Pelan Warta dan salinan Pelan Warta yang ada belum mencukupi untuk membolehkan sesuatu kawasan diwartakan sebagai Rizab Melayu. PTD perlu mendapatkan salinan keputusan MMKN dan tarikh kelulusan rizab berkenaan sebelum pewartaan dapat dilaksanakan. Tindakan-tindakan berikut sedang diambil oleh PTD iaitu mengesan fail di daerah atau di PTG, mendapatkan keputusan MMKN, menyemak nombor PU di PTD, menyemak nombor warta di PUU, mendapatkan salinan Pelan Warta dari JUPEM dan mendapatkan salinan warta dari Percetakan Nasional. Tindakan ini akan mengambil masa kerana maklumat tersebut adalah daripada tahun-tahun terdahulu dan hal ini juga dibatasi olehkekangan rekod daripada pihak-pihak yang terlibat.**
- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap sampel Audit di 4 daerah tersebut mendapati 25 kes TRM berada di dalam status semakan fail permohonan iaitu masing-masing 5 kes di Daerah Jerantut, 13 kes di Daerah Kuantan, 3 kes di Daerah Maran dan 4 kes di Daerah Temerloh. Butiran terperinci TRM yang masih belum diisyiharkan pewartaan seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Senarai TRM Yang Masih Belum Diisyiharkan Pewartaan

Bil.	Daerah	Mukim	Nama TRM	No. Pelan Akui/Pelan Warta	Keluasan (ha)
1.	Jerantut	Hulu Cheka	Hulu Cheka	PG1008	TM
2.		Pulau Tawar	Pulau Tawar (Tambah)	PW1534	5.297
3.		Pedah	Putat (Tambah)	PW1680	182.5
4.		Pulau Tawar	Pulau Tawar (Tambah)	PW1928	2.643
5.		Pulau Tawar	Pulau Tawar	PW3780	TM
6.	Kuantan	Kuala Kuantan	Tanah Putih Baru	PW1219	7.491
7.		Kuala Kuantan	Bukit Beirut	PW1220	15.39
8.		Kuala Kuantan	Paya Dugon	PW1559	4.958
9.		Kuala Kuantan	Kemunting	PW3909	1.659
10.		Kuala Kuantan	Jaya Gading	PW3910	0.482
11.		Sg. Karang	Cherating	PW1930	9.939
12.		Sg. Karang	Cherating	PW3819	0.2949
13.		Penor	Permatang Parit	PA26830	TM
14.		Penor	Permatang Besar	PA22265	TM
15.		Penor	Permatang Besar	PA24022	TM
16.		Hulu Lepar	Kg. Gelugor	PW3463	0.389
17.		Beserah	Semambu	PA16692	TM
18.		Hulu Lepar	Sg. Beruang	PA61015	16.31
19.	Maran	Luit	Aur Gading	PA72951	6.762
20.			Maran	PA60982	5.805
21.				PA26468	
22.	Temerloh	Semantan	Perkampungan Perabut	PW1920	54.79
23.		Perak & Teriang	Sg. Rambai & Sg. Mentuang	PW1280	1162
24.		Mentakab	Batu Kapur	PW1532	TM
25.		Jenderak	Jenderak	PW3810	2.07

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

TM-Tiada Maklumat

- d. **Maklum balas yang diterima daripada PTG dan 4 PTD yang terlibat bertarikh 27 Mac 2014 seterusnya menjelaskan, PTD Kuantan sedang dalam tindakan untuk mengenal pasti 13 kes permohonan melalui rekod buku daftar permohonan. PTD Temerloh pula sedang mengambil tindakan untuk mewartakan kawasan tersebut dan memerlukan sedikit masa untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Manakala PTD Maran akan membuka fail pendua untuk meneruskan proses pewartaan tersebut. PTD Jerantut pula memaklumkan 2 kes dalam tindakan penyediaan warta, satu kes sedang dalam tindakan pengesahan fail di PTG dan 2 kes dalam tindakan pengesahan fail di daerah.**

- e. Lawatan Audit ke beberapa kawasan TRM di Daerah Maran mendapati kawasan tersebut merupakan kawasan ladang kelapa sawit seluas 1.9 ha seperti di **Gambar 3.1**. Selain itu, 2 kawasan seluas 4.031 ha dan 1.771 ha masing-masing belum dibangunkan dan dimiliki oleh syarikat swasta. Kedua-dua tanah ini dalam

proses pewartaan tetapi pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ia untuk dibatalkan atau digantikan. Keadaan tanah tersebut seperti di **Gambar 3.2** dan **Gambar 3.3**.



Gambar 3.1
Keadaan Tanah Rizab Melayu Yang Belum Diwartakan – Ladang Kelapa Sawit

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aur Gading, Mukim Luit Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013

Gambar 3.2
Keadaan Tanah Rizab Melayu Yang Belum Diwartakan - Tanah Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampong Berkut, Mukim Luit
Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013

Gambar 3.3
Tanah Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampong Berkut, Mukim Luit
Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013

- f. Lawatan Audit ke beberapa kawasan TRM yang belum diwartakan di Daerah Temerloh mendapati sebahagian kawasan TRM yang berkeluasan 1,162 ha di Mukim Perak & Teriang dengan nombor Pelan Warta PW1280 bertarikh 30 Julai 1981 akan dijadikan tapak pelupusan sampah seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5**. Manakala, terdapat TRM di perumahan Taman Saga yang juga masih belum warta berkeluasan 38.42 ha dengan nombor Pelan Warta PW1532. Melalui maklumat yang diperolehi daripada penduduk Taman Saga tersebut, kawasan perumahan merupakan kawasan yang telah diduduki sejak tahun 1990an seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**. Selain itu, terdapat tanah seluas 2.07 ha yang telah ditanam sawit dan getah belum diwartakan dengan nombor Pelan Warta PW3810 bertarikh 24 Jun 2005 seperti di **Gambar 3.8**.

Gambar 3.4
TRM Yang Belum Warta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Perak & Teriang Daerah Temerloh
Tarikh: 30 Januari 2014

Gambar 3.5
Papan Tanda Cadangan Tapak Pelupusan Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Perak & Teriang Daerah Temerloh
Tarikh: 30 Januari 2014

Gambar 3.6
TRM Belum Warta Di Kawasan Perumahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Saga, Mukim Mentakab
Daerah Temerloh
Tarikh: 30 Januari 2014

Gambar 3.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Saga, Mukim Mentakab
Daerah Temerloh
Tarikh: 30 Januari 2014



Gambar 3.8
TRM Belum Warta – Tanaman Getah Dan Sawit

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jenderak, Daerah Temerloh
Tarikh: 30 Januari 2014

- g. Lawatan ke Daerah Kuantan pula mendapati tanah lapang seluas 15.39 ha belum diwartakan dengan nombor Pelan Warta PW1220 bertarikh 10 Januari 1991 seperti di **Gambar 3.9**.



Gambar 3.9
TRM Belum Warta – Tanah Lapang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Beirut, Daerah Kuantan
Tarikh: 13 Februari 2014

- h. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan mewartakan TRM disebabkan proses pewartaan melibatkan beberapa peringkat aktiviti seperti kelulusan, perundangan dan pengukuran tanah. Selain itu, masalah tiada maklumat dalam rekod Buku Daftar permohonan daerah dan rekod sedia ada tidak dikemaskinikan serta diselenggara dengan teratur telah menyukarkan PTD untuk mengesan status TRM tersebut. Kegagalan mewartakan TRM dan menggantikan TRM yang telah dibatalkan menyebabkan kepentingan hak orang melayu tidak dapat dipertahankan.


3.4.2.2. Pembatalan TRM

a. Pembatalan Mengikut Kelulusan

Pihak Audit mendapati aktiviti TRM di Daerah Maran adalah sama dengan rekod dalam dokumen kelulusan iaitu sebanyak 5 lot kedai telah dibatalkan dan dibangunkan sebagai rumah kedai. Antaranya adalah kedai membaiki kenderaan dan kedai tayar seperti di **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.11**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bintang, Mukim Luit, Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bintang, Mukim Luit, Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013

b. Pewartaan Pembatalan

- i. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 13 kes TRM yang telah dibatalkan di Daerah Kuantan belum diwartakan walaupun tanah tersebut telah dibangunkan untuk pelbagai tujuan seperti kawasan pembangunan industri, pertanian dan perumahan. Senarai TRM yang diluluskan pembatalan tetapi masih belum diwartakan seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

Senarai TRM Yang Diluluskan Pembatalan Di Daerah Kuantan Tetapi Masih Belum Diwartakan

Bil.	Mukim	Nama TRM	No. Pelan Akui/Pelan Warta	Keluasan (ha)
1.	Sg. Karang	Balok	PA71915	TM
2.	Sg. Karang	Cherating	PW1944	5.496
3.	Sg. Karang	Cherating	PW3720	35.71
4.	Sg. Karang	Cherating	PA20436 PA123982 PA123984	TM
5.	Beserah	Beserah	PW3774	623
6.	Beserah	Beserah	PA1123	TM
7.	Beserah	Beserah	PA28695	1.073
8.	Bandar Kuantan	Kemunting	PW3909	1.659
9.	Bandar Kuantan	Kemunting	PW3493	1.62
10.	Kuala Kuantan	Kempadang	PA108401	TM
11.	Kuala Kuantan	Paya Besar	PA72576	TM
12.	Kuala Kuantan	Kubang Buaya	PW3619	18.94
13.	Penor	Penor	PA141610	4.072

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

TM-Tiada Maklumat

- ii. Lawatan Audit ke Kemunting mendapati TRM yang telah dibatalkan tetapi masih belum diwarta telah dibangunkan menjadi bangunan kerajaan. Kawasan tersebut adalah seluas 1.659 ha dengan nombor Pelan Warta PW3909 bertarikh 19 Ogos 2009 seperti di **Gambar 3.12** dan kawasan seluas 1.62 ha dengan nombor Pelan Warta PW3493 bertarikh 12 Februari 2001 seperti di **Gambar 3.13**.

Gambar 3.12
**TRM Batal Belum Warta –
 Bangunan Kerajaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kemunting, Pusat Bandar Kuantan
 Tarikh: 13 Februari 2014

Gambar 3.13
**TRM Batal Belum Warta – Cadangan
 Tapak Bangunan Kerajaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kemunting, Pusat Bandar Kuantan
 Tarikh: 13 Februari 2014

iii. Maklum balas yang diterima daripada PTD Kuantan bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, PTD sedang dalam tindakan mengesan 13 fail ini.

c. Pembatalan TRM Yang Telah Warta Tetapi Kawasan Belum Dibangunkan

i. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 terdapat 5 lokasi TRM di Daerah Jerantut yang berkeluasan 234.647 ha telah diluluskan pembatalan. Antara tujuan pembatalan ialah bagi menjana pertumbuhan ekonomi untuk komersial dan pembangunan infrastruktur. Selain itu, ia bagi menjadikan tanah tersebut berdaya maju dan bernilai komersial di samping membebaskan dari halangan atau kekangan untuk tujuan pembangunan tanah serta meningkatkan sumber hasil cukai tanah dan premium tanah. Semua kawasan tersebut telah selesai diwartakan. Maklumat TRM yang dibatalkan seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
TRM Yang Dibatalkan Di Mukim Pulau Tawar, Jerantut

Bil.	Lokasi	Cadangan Projek	Keluasan (ha)
1.	Bukit Rang	a) Tapak Institut Kemahiran Bina Negara	28.330
		b) Sekolah Menengah Sains Berasrama Penuh	20.23
		c) Kolej Komuniti	6.073
		d) Sekolah Sukan	16.187
		e) Tanah kosong Kerajaan untuk pembangunan akan datang	17.529
		Jumlah	88.349
2.	Sungai Putat	Tapak Perumahan Sungai Putat	38.178
3.	Padang Saujana	Tapak Perumahan Secara Penswastaan Oleh syarikat swasta	40.47
4.	Simpang Jengka 8	Tapak Perumahan Bercampur Lulus kepada syarikat swasta	30.34
5.	Temin	Tapak Industri Temin	37.31
Jumlah Besar			234.647

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut

- ii. Bagaimanapun, lawatan Audit pada Januari 2014 mendapati 4 lokasi masih belum dibangunkan seperti di **Gambar 3.14** hingga **Gambar 3.17**. Manakala 1 lokasi iaitu di Simpang Jengka 8 telah dibangunkan sebagai tapak perumahan bercampur tetapi projek tersebut didapati terbengkalai seperti di **Gambar 3.18**.

Gambar 3.14
Cadangan Projek Kerajaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Rang, Mukim Pulau Tawar
Daerah Jerantut
Tarikh: 20 Januari 2014

Gambar 3.15
Cadangan Tanah Lot Individu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Putat, Mukim Pulau Tawar
Daerah Jerantut
Tarikh: 20 Januari 2014

Gambar 3.16
Cadangan Kawasan Perumahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Saujana, Mukim Pulau Tawar
Daerah Jerantut
Tarikh: 20 Januari 2014

Gambar 3.17
Cadangan Kawasan Industri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Temim, Mukim Pulau Tawar Daerah
Jerantut
Tarikh: 20 Januari 2014



Gambar 3.18
Tapak Perumahan Terbengkalai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Simpang Jengka 8, Mukim Pulau Tawar
Daerah Jerantut
Tarikh: 20 Januari 2014

- iii. **Maklum balas yang diterima daripada PTD Jerantut bertarikh 2 April 2014 menjelaskan, cadangan untuk tapak IKBN, Sekolah Sains Berasrama dan Sekolah Sukan di Bukit Rang tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, tapak ini akan dibangunkan sebagai Kompleks Penyayang oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan status terkini dalam proses mengemukakan permohonan melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kemudian, Tapak Perumahan Sungai Putat akan dibangunkan sebagai Rancangan Pembesaran Kampung Bukit Rang Fasa 1, 2 dan 3. Seramai 422 peserta telah dipilih dan kini dalam proses untuk diberi milik. Manakala lokasi di Padang Saujana tidak dapat dimajukan kerana tiada laluan masuk yang sah ke tanah tersebut. Pihak syarikat swasta telah mengemukakan permohonan Hak Lalu Lalang Persendirian ke PTD untuk mendapatkan laluan ke tapak tersebut. Cadangan kawasan industri di Temin yang terletak berhampiran dengan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Daerah Jerantut pula tidak akan dibangunkan. Kawasan ini akan dimajukan sebagai kawasan Perumahan Rakyat 1Malaysia. Bagaimanapun, kawasan di Simpang Jengka 8 telah dibangunkan tetapi terbengkalai.**
- d. Masalah pembatalan yang belum warta ini juga disebabkan oleh tiada maklumat dalam rekod Buku Daftar permohonan daerah dan rekod sedia ada tidak dikemaskinikan serta diselenggara dengan teratur telah menyukarkan PTD untuk mengesan status TRM tersebut. Manakala, TRM yang telah batal tetapi masih belum dibangunkan dan terbengkalai menyebabkan objektif asal pembatalan untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan infrastruktur kepada masyarakat setempat masih belum tercapai.

3.4.2.3. Penggantian Tanah Rizab Melayu

- a. Sehingga 31 Disember 2013, keluasan TRM yang dilupuskan (batal) di Negeri Pahang adalah seluas 42,548.32 ha (seperti di **Jadual 3.2**). Manakala keluasan yang diganti adalah 54,714.96 ha iaitu melebihi 12,166.64 ha daripada keluasan yang dibatalkan. Lawatan Audit ke lokasi yang diganti di Daerah Maran mendapati TRM seluas 0.0133 ha merupakan kawasan perumahan seperti di **Gambar 3.19**, kawasan yang ditanam dengan sawit seluas 303.52 hektar seperti di **Gambar 3.20** dan tanah yang belum dibangunkan tapak rumah seluas 0.03 hektar seperti di **Gambar 3.21**.

Gambar 19
TRM Ganti – 4 Lot Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bintang, Mukim Luit Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013

Gambar 3.20
TRM Ganti – Ditanam Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Karok, Mukim Hulu Cheka
Daerah Jerantut
Tarikh: 20 Januari 2014

Gambar 3.21
TRM Ganti - Tanah Tapak Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sri Chendong, Mukim Luit
Daerah Maran
Tarikh: 26 November 2013

- b. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2013 terdapat 149 kes TRM yang telah dibatalkan di Daerah Jerantut, Kuantan dan Maran tetapi hanya 84 daripadanya telah digantikan, 14 belum ganti dan 51 dalam tindakan pengesanan fail. Maklumat keluasan kawasan yang dibatal dan diganti tidak dapat dikemukakan oleh PTD sepanjang pengauditan dilaksanakan kerana rekod sedia ada tidak lengkap dan kemas kini. Oleh yang demikian, pihak Audit menganalisis data hanya berdasarkan bilangan kes. Butiran terperinci seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Ringkasan Pembatalan dan Penggantian Di 3 Daerah

Bil.	Daerah	Jumlah Kes			
		Batal	Ganti	Belum Ganti	Dalam Tindakan
1.	Jerantut	15	14	0	1
2.	Kuantan	128	67	13	48
3.	Maran	6	3	1	2
Jumlah		149	84	14	51

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

- c. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, penggantian TRM adalah berdasarkan jumlah keluasan tanah yang terlibat dan bukannya berdasarkan bilangan pembatalan kawasan. Selain itu, PTD Kuantan sedang dalam tindakan mengesan fail untuk 48 kes tersebut kerana ia merupakan permohonan tahun 1990an dan tindakan pewartaan akan diambil setelah kawasan ganti dikenal pasti. PTD Maran pula memaklumkan daripada 3 kes TRM (1 kes belum diganti dan 2 kes tiada maklumat) didapati 1 TRM yang belum ganti adalah TRM di Mukim Bukit Segumpal seluas 71.54 ekar dengan Draf Pelan Warta HW 27/2009 telah dikemukakan ke JUPEM pada 17 Mac 2014. Bagi 2 kes TRM yang tiada maklumat rekod didapati permohonan tersebut dibuat di PTG. Sehubungan itu pentadbiran ini sedang mendapatkan maklumat yang berkaitan bagi meneruskan proses penggantian TRM dan PTG sedang dalam tindakan mengesan fail tersebut. Manakala PTD Jerantut, TRM yang berkaitan adalah di Pulau Tawar, Mukim Pulau Tawar dengan Nombor Warta Phg.120 bertarikh 29.01.98 PW 3847 seluas 138 hektar, ia tiada kawasan ganti dan dalam tindakan mengesan fail.**

- d. Lawatan Audit ke Daerah Kuantan mendapati beberapa TRM yang telah dibatalkan tetapi masih belum diganti. TRM yang dibatalkan itu ada antaranya telah dibangunkan oleh pihak swasta dan ada yang belum dibangunkan. TRM seluas 1.377 ha yang telah batal dan belum ganti dengan nombor Pelan Warta PW3204 bertarikh 4 Julai 1995 seperti di **Gambar 3.22**, TRM seluas 0.97 ha yang telah batal dan belum ganti dengan nombor Pelan Warta PW3205 bertarikh 4 Julai 1995 seperti di **Gambar 3.23** dan TRM seluas 7.388 ha yang telah batal dan belum ganti dengan nombor Pelan Warta PW1643 bertarikh 13 Jun 1988 seperti di **Gambar 3.24**.

Gambar 3.22
TRM Belum Ganti – Tanah Hutan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Karang, Daerah Kuantan
Tarikh: 13 Februari 2014

Gambar 3.23
TRM Belum Ganti – Projek Swasta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Karang, Daerah Kuantan
Tarikh: 13 Februari 2014



**Gambar 3.24
TRM Belum Ganti**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kemunting, Kuantan
Tarikh: 13 Februari 2014

Pada pendapat Audit, prestasi pewartaan TRM di 4 Daerah yang diaudit adalah kurang memuaskan. Pada 31 Disember 2013, status pewartaan perizaban TRM yang belum warta ialah 78.1%. Manakala, bagi pewartaan pembatalan, masih terdapat 13 kes TRM yang telah diluluskan pembatalan tetapi masih belum diwartakan. Selain itu, terdapat 65 kes penggantian belum selesai iaitu 14 kes belum ganti dan baki 51 kes dalam tindakan pengesanan fail. Kegagalan mewartakan TRM dan menggantikan TRM yang telah dibatalkan menyebabkan kepentingan hak orang melayu tidak dapat dipertahankan.

3.4.3. Pengendorsan Hak Milik Tanah Rizab Melayu

Seksyen 6(ii) ERM memperuntukkan tanggungjawab Pendaftar atau Pentadbir Tanah supaya mendaftar tanah dimiliki secara teratur dalam Borang A di Jadual Pertama dengan memasukkan nota Kemasukan Tanah Rizab Melayu. Hak milik sementara yang didaftarkan atau dikeluarkan kepada Melayu hendaklah diendors dengan satu memorial bagi menjadikannya hak milik Pegangan Melayu. Setelah memorial seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 6(i) hingga (v) ERM tersebut dicatatkan, barulah tanah yang berkenaan itu secara rasminya menjadi tanah Pegangan Melayu. Mulai daripada tarikh catatan memorial tersebut didaftarkan, tanah tersebut dengan itu adalah tertakluk kepada batasan-batasan dan sekatan-sekatan tertentu seperti pindahmilik dan gadaian. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut.

3.4.3.1. Geran Pemilikan TRM Tiada Endorsan TRM Dan Tiada Endorsan Pegangan Melayu (Seksyen 6)

- a. Semakan Audit terhadap 1,028 sampel Audit mendapati 151 geran atau hak milik sementara yang didaftarkan atau dikeluarkan oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah masih belum diendors sebagai Tanah Rizab Melayu. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8

**Status Pengendorsan Tanah Rizab Melayu Pada Hak Milik (Geran) TRM
Sehingga 31 Disember 2013**

Bil.	Daerah	Bilangan Hakmilik (Geran)				
		Sampel Audit	Telah Diendors	Peratus (%)	Tidak Diendors	Peratus (%)
1.	Jerantut	271	152	56.1	119	43.9
2.	Kuantan	361	350	96.9	11	3.0
3.	Maran	71	71	100.0	0	0
4.	Temerloh	325	304	93.5	21	6.5
Jumlah		1,028	877	85.3	151	14.7

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

- b. Semakan Audit selanjutnya daripada 877 geran atau hakmilik yang telah diendors Tanah Rizab Melayu terdapat 790 geran atau hakmilik sementara yang didaftarkan atau dikeluarkan oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah kepada pemilik Melayu masih belum diendors sebagai hak milik Pegangan Melayu. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9

Status Pengendorsan Pada Hak Milik (Geran) Yang Telah Diendors Pegangan Melayu (Seksyen 6) Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Daerah	Bilangan Hakmilik (Geran)				
		Sampel Audit	Telah Diendors	Peratus (%)	Tidak Diendors	Peratus (%)
1.	Jerantut	152	11	7.2	141	92.8
2.	Kuantan	350	41	11.7	309	88.3
3.	Maran	71	35	49.3	36	50.7
4.	Temerloh	304	0	0	304	100.0
Jumlah		877	87	9.9	790	90.1

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah

- c. Perkara ini disebabkan kakitangan yang bertugas menghadapi kekangan masa untuk melaksanakan pengendorsan tersebut. Pegawai berkaitan hanya akan kemas kini maklumat tersebut sekiranya ada permohonan berkaitan geran/hak milik TRM tersebut. Kesan ketiadaan endorsan tersebut, pindahmilik geran tanah kepada orang bukan melayu boleh berlaku.
- d. **Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, semua PTD akan mengambil tindakan untuk menyemak dan melakukan pengendorsan dari semasa ke semasa.**

Pada pendapat Audit, pengendorsan hak milik TRM adalah kurang memuaskan kerana terdapat 14.7% geran TRM masih belum diendors sebagai TRM dan 90.1% geran belum diendors Pegangan Melayu (Seksyen 6).

3.4.4. Penyelenggaraan Rekod Hak Milik Tanah Rizab Melayu

3.4.4.1. PTG telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang Bilangan 5 Tahun 1996 bertarikh 17 September 1996 yang meminta PTD untuk mengemas kini maklumat TRM yang telah diwartakan dengan segera. Maklumat tersebut hendaklah dikemas kini dengan mendapatkan *litho sheet* yang terbaru daripada JUPEM dan menyemak kedudukan terkini TRM yang terdapat di daerah masing-masing. Maklumat yang perlu ada adalah seperti nama kawasan, nombor warta, tarikh warta dan keluasan TRM. Selain itu, PTD hendaklah mengemas kini maklumat TRM itu sekiranya berlaku pembatalan dan penggantian dengan maklumat seperti nama kawasan yang dikeluarkan, tujuan dikeluarkan, cadangan penggantian, tarikh kelulusan serta luas kawasan belum diganti. Berdasarkan keperluan tersebut pihak Audit mengklasifikasikan penyimpanan rekod TRM perlu wujud secara fizikal dan diselenggarakan bagi mengemas kini kedudukan TRM tersebut. Dengan adanya rekod khusus tersebut membolehkan Pentadbir Tanah mengemas kini setiap perubahan yang berlaku terhadap status pemilikan tanah di samping rekod yang ada dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer.

3.4.4.2. Semakan Audit mendapati semua PTD dilawati ada menyediakan daftar bagi merekodkan Tanah Rizab Melayu di daerah masing-masing yang mengandungi maklumat tentang tanah yang diluluskan sebagai TRM, pembatalan dan penggantian TRM. Bagaimanapun didapati daftar tersebut tidak diselenggara dengan kemas kini dan ia juga mengandungi maklumat pelbagai jenis tanah rizab. Bagi tujuan mendapatkan maklumat TRM, pihak Audit mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber antaranya:-

- a. Fail pembangunan sesuatu kawasan yang ada kaitan dengan TRM.
- b. Fail pewartaan TRM.
- c. Maklumat TRM tercatat di pelan ukur oleh JUPEM.
- d. Laporan yang dihantar oleh PTD ke PTG.

3.4.4.3. Kesan daripada kekurangan maklumat tersebut, data TRM tidak dapat dikemaskinikan dan PTD tidak mengetahui tentang status terkini TRM. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan data keseluruhan TRM yang diluluskan perizabannya, dibatalkan dan diganti. Selain itu, tindakan untuk mewartakan TRM tidak dapat dilakukan secara efisien.

3.4.4.4. Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, semua PTD ada menyediakan daftar/rekod TRM di daerah masing-masing tetapi tidak dikemas kini dan tindakan mengemaskini maklumat TRM akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan rekod yang berada di pentadbiran sentiasa dikemaskinikan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod TRM di daerah adalah kurang memuaskan kerana daftar/rekod TRM tidak dikemas kini.

3.4.5. Pemantauan Tanah Rizab Melayu

3.4.5.1. PTG dan PTD selaku agensi pelaksana di peringkat negeri dan daerah adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau pelaksanaan dan mengkaji keberkesanan pengurusan Tanah Rizab Melayu bagi memastikan objektif pengurusan TRM tersebut tercapai. Pegawai di PTG dan PTD memastikan peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara 1965, Enakmen Rizab Melayu, Kaedah Tanah Pahang, Arahan Pentadbiran Tanah Negeri dan Akta Syarikat 1965 perlu dipatuhi sepenuhnya. TRM yang telah dibatal perlu diganti semula dan diwarta serta diendors bagi mengelakkan berlakunya pindahmilik kepada pihak lain. Pemantauan secara fizikal di peringkat lapangan hendaklah dilakukan secara berkala oleh kedua-dua pihak untuk mengenal pasti kedudukan TRM yang wujud adalah bertepatan dengan rekod.

3.4.5.2. Semakan Audit mendapati pelaksanaan mekanisme pemantauan TRM di Negeri Pahang ada dilaksanakan di peringkat PTG melalui Mesyuarat Pemantauan Maklumat Tanah Rizab Melayu pada 22 April 2011, 8 Julai 2011 dan 6 November 2013. Mesyuarat ini melibatkan kesemua pegawai yang bertanggungjawab terhadap TRM. Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah berkenaan dengan data keluasan TRM, mengenal pasti kawasan TRM yang telah dibatal untuk diganti dan tindakan mengemas kini data TRM di peringkat daerah.

3.4.5.3. Manakala di PTD pula, pelaksanaan pemantauan TRM di daerah-daerah hanya dilakukan apabila terdapat aduan dari pemilik tanah. Mesyuarat khusus untuk pemantauan TRM di peringkat unit dan bahagian belum dilaksanakan setakat ini. Bagaimanapun, perbincangan mengenai pemantauan TRM sentiasa diadakan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, tugas PTD yang banyak bergantung dengan aduan untuk menjalankan pemantauan TRM menyebabkan maklumat TRM tidak dikemas kini di daerah setiap masa.

3.4.5.4. Maklum balas yang diterima daripada PTG bertarikh 27 Mac 2014 menjelaskan, PTG ada melaksanakan pemantauan TRM Negeri melalui Mesyuarat Pemantauan Tanah Rizab Melayu dan mesyuarat yang terbaru ialah pada 19 Mac 2014. Perkara-perkara yang dibincangkan meliputi pengemaskinian rekod pembatalan dan pengantian, pewartaan TRM yang diluluskan, perbincangan masalah untuk mengesan fail-fail yang telah wujud PW dan masalah-masalah PTD berkaitan TRM. Manakala di PTD, mesyuarat pemantauan TRM akan diadakan dari semasa ke semasa oleh PTD dan akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan TRM adalah kurang memuaskan kerana perbincangan khusus tentang TRM belum dilaksanakan dalam mesyuarat di peringkat PTD.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan Tanah Rizab Melayu (TRM), adalah disyorkan supaya Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan Pentadbir Tanah Daerah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 3.5.1.** Mewujudkan kaedah pelaksanaan dan mekanisme pemantauan seperti daftar TRM yang lengkap supaya kelewatian dalam pewartaan TRM, pewartaan pembatalan dan penggantian dapat diselesaikan dalam tempoh yang sewajarnya.
- 3.5.2.** Menyedia dan mengemas kini rekod TRM yang telah diwartakan dan membuat endorsan ke atas geran pemilik untuk mengelakkan pindahmilik kepada pihak lain.
- 3.5.3.** Menambah baik prosedur kerja dan memberikan latihan yang secukupnya bagi meningkatkan kecekapan pegawai.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

4. BCIC HOLDINGS SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. BCIC Holdings Sdn. Bhd. (BCIC) ditubuhkan pada 16 Mac 1989 dan memulakan operasinya pada tahun 1993. BCIC merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan modal dibenarkan berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM100,000. Ia ditubuhkan bagi merealisasikan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera melalui pelaburan dan usaha sama dengan syarikat Bumiputera di Pahang atas persetujuan PKNP. BCIC mempunyai sebuah syarikat subsidiari dengan 100% pegangan iaitu Realistic Attraction Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti pengeluaran dan pemasaran kain tenun Pahang.

4.1.2. Aktiviti utama BCIC adalah menawarkan sewaan kemudahan di Kompleks Dagangan Mahkota (KDM) untuk majlis perkahwinan, jamuan makan malam, majlis graduasi, seminar, bengkel, kem motivasi, mesyuarat dan sebagainya. Objektif BCIC pula adalah menguruskan sewaan kemudahan di KDM dengan menawarkan harga berpatutan kepada penyewa sebagaimana yang diamanahkan oleh PKNP.

4.1.3. BCIC diterajui oleh 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan) PKNP manakala pengurusan BCIC diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh 19 orang kakitangan. Pengurusan BCIC adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Pentadbiran berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan BCIC adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tempoh 2011 hingga 2013. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama serta tadbir urus korporat BCIC. Perbincangan dan temu bual juga

diadakan dengan pegawai BCIC. Selain itu, pemeriksaan fizikal serta lawatan turut dibuat terhadap aset, aktiviti dan kemudahan yang disediakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat BCIC adalah memuaskan. BCIC telah mencatat peningkatan keuntungan pada tahun 2011 dan 2012, pencapaian aktiviti telah melebihi sasaran pada tahun 2012 serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan mematuhi amalan terbaik.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan BCIC, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Berikut adalah hasil analisis yang telah dilaksanakan:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2010, BCIC mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM2,798. Kerugian ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah perbelanjaan BCIC. Pada tahun 2011 dan 2012, keuntungan sebelum cukai BCIC meningkat masing-masing sejumlah RM17,036 dan RM8,575 menjadikan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM14,238 dan RM22,813. Kerugian terkumpul BCIC pula menunjukkan penurunan daripada RM0.21 juta pada tahun 2010 kepada RM0.20 juta pada tahun 2011 dan RM0.18 juta pada tahun 2012. Hal ini disebabkan oleh penurunan dalam jumlah perbelanjaan pada tahun 2011 berjumlah RM0.06 juta (22.5%) dan peningkatan dalam jumlah pendapatan berjumlah RM0.18 juta (76.7%) pada tahun 2012.
- b. **Maklum balas daripada BCIC bertarikh 01 April 2014 menjelaskan, kerugian BCIC adalah berpunca daripada perbelanjaan pengurusan syarikat dari tahun 1993 hingga 1998 yang terdiri daripada pinjaman dan pendahuluan dihapuskira, rosot nilai pelaburan, perbelanjaan sosial usahawan, hutang syarikat berkaitan dihapuskira dan hutang lapuk dihapuskira.**
- c. Pendapatan utama BCIC terdiri daripada sewaan peralatan, pembekalan makanan dan pengurusan program manakala pendapatan lain terdiri daripada faedah simpanan tetap. Pendapatan BCIC pada tahun 2010 adalah berjumlah RM0.28 juta dan menurun kepada RM0.23 juta pada tahun 2011 namun meningkat kepada RM0.41 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati pendapatan BCIC menurun sejumlah RM0.05 juta (17.9%) pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh pengurangan dalam hasil pendapatan pembekalan makanan dan faedah simpanan


tetap. Manakala peningkatan pendapatan sejumlah RM0.18 juta (78.3%) pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh pertambahan dalam hasil pendapatan sewaan peralatan, pembekalan makanan dan faedah simpanan tetap.

- d. Perbelanjaan BCIC pula terdiri daripada perbelanjaan operasi dan pentadbiran. Pada tahun 2010, perbelanjaan BCIC adalah berjumlah RM0.28 juta dan menurun kepada RM0.22 juta pada tahun 2011 namun meningkat kepada RM0.39 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati perbelanjaan BCIC menurun sejumlah RM0.06 juta (21.4%) pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh pengurangan dalam kos penyenggaraan KDM dan perbelanjaan pentadbiran. Manakala peningkatan perbelanjaan sejumlah RM0.17 juta (77.3%) pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh pertambahan kos pembekalan makanan, penyenggaraan KDM dan perbelanjaan pentadbiran.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan BCIC bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1, Carta 4.1 dan Carta 4.2**.


Jadual 4.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan BCIC
Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	277,410	233,053	411,098
Kos Jualan	209,781	149,434	270,426
Keuntungan Kasar	67,629	83,619	140,672
Pendapatan Lain	1,400	1,125	2,604
Perbelanjaan Pentadbiran	71,827	68,761	120,463
Kerugian Pelupusan Subsidiari	-	-1,745	-
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	-2,798	14,238	22,813
Percukaian	-	743	521
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	-2,798	13,495	22,292
Kerugian Terkumpul	-212,005	-198,510	-176,218

Sumber: Penyata Kewangan BCIC



Sumber: Rekod Kewangan BCIC



Sumber: Rekod Kewangan BCIC

4.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan BCIC, 4 nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan BCIC bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan BCIC Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	1.08:1	1.11:1	1.16:1
Margin Untung Bersih	-1.0%	5.8%	5.4%
Pulangan Ke Atas Aset	0.00:1	0.01:1	0.03:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.02:1	0.09:1	0.13:1

Sumber: Penyata Kewangan BCIC

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan BCIC pada tahun 2010 adalah 1.08:1 meningkat kepada 1.11:1 dan 1.16:1 masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Kadar nisbah semasa BCIC meningkat dari setahun ke setahun namun berada di tahap sederhana. Hal ini menunjukkan kemampuan aset semasa BCIC untuk ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek adalah memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan bersih yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati BCIC mengalami kerugian sebanyak satu sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2010. Pada tahun 2011, margin untung bersih BCIC meningkat kepada 5.8 sen dan menurun kepada 5.4 sen pada tahun 2012. Secara keseluruhannya kedudukan margin untung bersih BCIC adalah memuaskan.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh oleh syarikat bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan BCIC menguruskan asetnya meningkat dari setahun ke setahun. Kadar pulangan ke atas aset BCIC meningkat daripada 0 sen pada tahun 2010 kepada satu sen dan 3 sen masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun, secara keseluruhannya kedudukan pulangan ke atas aset BCIC adalah kurang memuaskan.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang dilaburkan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Analisis Audit mendapati BCIC mengalami kerugian sebanyak 2 sen bagi setiap ringgit ekuiti yang dilaburkan pada tahun 2010. Pulangan ke atas ekuiti BCIC kemudiannya meningkat kepada 9 sen dan 13 sen masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Secara keseluruhannya kedudukan pulangan ke atas ekuiti BCIC adalah kurang memuaskan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan BCIC bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah memuaskan berikutan peningkatan keuntungan syarikat dari setahun ke setahun. Bagaimanapun BCIC masih mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM0.18 juta pada akhir tahun 2012.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

BCIC selaku *care taker* bertanggungjawab mengendalikan operasi Kompleks Dagangan Mahkota (KDM) terutamanya dalam pengurusan sewaan kemudahan di KDM, pembekalan makanan dan pengurusan program. Pengurusan aktiviti BCIC adalah seperti berikut:

4.4.2.1. Sewaan Kemudahan Di Kompleks Dagangan Mahkota

- a. BCIC memulakan operasi pengurusan sewaan kemudahan di Kompleks Dagangan Mahkota (KDM) pada bulan Julai 2008. Kemudahan yang disewakan di KDM terdiri daripada Dewan Seminar, Dewan Serbaguna, Bilik Latihan, Makmal Komputer, Foyer, Bilik Mesyuarat, Hostel dan peralatan. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak 904 majlis telah diadakan di KDM seperti majlis perkahwinan, karnival, seminar, bengkel, jamuan makan malam serta majlis graduasi. Majlis yang telah diadakan di KDM antaranya adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Gambar 4.1
Majlis Perkahwinan Di Dewan Serbaguna



Sumber: BCIC

Gambar 4.2
Karnival Muslimah Di Foyer



Sumber: BCIC

Gambar 4.3
Seminar Penjawat Awam
Di Dewan Seminar



Sumber: BCIC

Gambar 4.4
Bilik Penginapan Hostel



Sumber: BCIC

- b. Pendapatan BCIC bagi sewaan kemudahan di KDM terdiri daripada hasil sewaan Bilik Mencuci, Foyer, peralatan dan caj kebersihan sejumlah RM300 yang dikenakan kepada penyewa sekiranya memilih katerer luar. Manakala sewaan kemudahan yang lain dimasukkan ke akaun BCIC terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada PKNP. Kadar sewaan kemudahan di KDM adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kadar Sewaan Kemudahan Di KDM

Bil.	Kemudahan	Kadar Sewa			Pendapatan	
		Separuh Hari (RM)	Sehari (RM)	Sehari Semalam (RM)		
1.	Dewan Seminar	600.00	1,000.00	1,500.00	PKNP	
2.	Dewan Serbaguna	500.00	900.00	1,200.00 1,500.00	PKNP	
	a. Majlis Biasa					
	b. Majlis Kahwin	-	-			
	c. Bilik Mencuci	150.00	150.00	150.00	BCIC	
3.	Bilik Latihan	200.00	300.00	500.00	PKNP	
4.	Makmal Komputer	300.00	500.00	800.00	PKNP	
5.	Foyer	200.00	200.00	200.00	BCIC	
6.	Bilik Mesyuarat	150.00	250.00	400.00	PKNP	
7.	Penginapan Hostel	90.00 - 280.00			PKNP	
8.	Peralatan Lain	150.00 - 300.00			BCIC	
	a. PA system	150.00				
	b. LCD Projector	6.00				
	c. Meja Bulat	4.00				
	d. Meja Bufet	4.00				
	e. Meja Oblong	3.50				
	f. Kerusi Banquet	1.00				
	g. Kerusi Plastik					

Sumber: BCIC

4.4.2.2. Pembekalan Makanan Dan Pengurusan Program

- a. Aktiviti pembekalan makanan merupakan aktiviti yang menyumbang pendapatan tertinggi kepada BCIC. Aktiviti ini melibatkan pelantikan pembekal makanan/katerer bumiputera bagi tujuan pembekalan makanan semasa majlis diadakan di KDM. BCIC memperoleh keuntungan dengan menetapkan margin RM1/pax atas harga yang dikenakan oleh katerer. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, BCIC telah melantik sebanyak 14 pembekal makanan/katerer.
- b. Aktiviti pengurusan program pula melibatkan aktiviti pembekalan perkhidmatan penceramah serta peralatan kursus/seminar/bengkel seperti alat tulis dan *backdrop*. Semakan Audit mendapati BCIC telah menguruskan 8 program bagi tahun 2011 dan 2012.

4.4.2.3. Prestasi Aktiviti BCIC

- a. Pendapatan BCIC merangkumi sewaan kemudahan di KDM, pembekalan makanan dan pengurusan program. Kos jualan pula terdiri daripada sewaan peralatan, pembekalan makanan, pengurusan program, senggaraan KDM dan senggaraan hostel. Pihak Audit mendapati prestasi pencapaian untung kasar BCIC bagi tahun 2012 telah melebihi sasaran sebanyak 48.6% namun hanya mencapai sebanyak 78.3% daripada sasaran yang ditetapkan pada tahun 2013. Bagaimanapun, untung kasar BCIC meningkat sebanyak 35.2% daripada RM140,672 pada tahun 2012 kepada RM190,244 pada tahun 2013. Butiran prestasi BCIC berbanding sasaran bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Prestasi Pencapaian Aktiviti BCIC Berbanding Sasaran Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	2012			2013		
	Sasaran (RM)	Pencapaian (RM)	Pencapaian (%)	Sasaran (RM)	Pencapaian (RM)	Pencapaian (%)
Pendapatan						
Sewaan Kemudahan	112,139	141,207	125.9	224,545	172,073	76.6
Pembekalan Makanan	120,605	263,191	195.8	265,490	295,074	111.1
Pengurusan Program	40,876	6,700	16.4	30,000	-	-
Jumlah	273,620	411,098	150.2	520,035	467,174	89.8
Kos Jualan						
Sewaan Peralatan	14,020	3,470	24.7	4,800	4,140	86.3
Pembekalan Makanan	114,788	242,453	211.2	252,807	243,334	96.3
Pengurusan Program	35,100	7,499	21.4	6,000	-	-
Senggaraan KDM	13,586	15,296	112.6	10,500	26,920	256.4
Senggaraan Hostel	1,464	1,708	116.7	3,000	2,566	85.5
Jumlah	178,958	270,426	151.1	277,107	276,950	99.9
Untung Kasar	94,662	140,672	148.6	242,928	190,224	78.3

Sumber: BCIC

- b. **Maklum balas daripada BCIC bertarikh 01 April 2014 menjelaskan, sasaran pendapatan dan keuntungan pada tahun 2013 tidak dapat dicapai kerana pengurusan program bagi tujuan sewaan tapak perkahwinan dalam taman belum disempurnakan seperti mana yang dirancang.**

4.4.2.4. Tunggakan Sewa Dan Terhutang Kepada PKNP

Tunggakan sewa merupakan pendapatan bagi sewaan kemudahan di KDM yang masih belum dijelaskan oleh penyewa. Terhutang kepada PKNP pula merupakan kutipan

sewaan kemudahan di KDM yang masih belum dijelaskan oleh BCIC kepada PKNP. Pihak Audit mendapati pada 31 Disember 2013, tunggakan sewa adalah sejumlah RM79,175 manakala ter hutang kepada PKNP sejumlah RM208,792 telah dilunaskan pada 19 Februari 2014. Semakan Audit mendapati BCIC ada mengambil tindakan bagi mengutip tunggakan sewa dengan menghantar notis peringatan kepada penyewa dan menghubungi penyewa melalui panggilan telefon.

4.4.2.5. Maklum Balas Pelanggan

Soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada pelanggan merupakan satu kaedah yang dapat membantu suatu organisasi mengkaji tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Pihak Audit mendapati BCIC ada menyediakan Borang Maklum Balas Kepuasan Pelanggan pada tahun 2013 seperti di **Gambar 4.5**. Analisis terhadap 53 borang maklum balas yang diterima mendapati pelanggan berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Gambar 4.5
Borang Maklum Balas Kepuasan Pelanggan

The form consists of two pages. Page 1 (left) contains sections A-E, each with a list of facilities or services and a 5-point Likert scale from 1 (Sedih) to 5 (Senang). Section A: Kounter pertanyaan kami. Section B: Perlotan yang disediakan (Kursi/Mesa /PA System/LCD Projector/White Board/Microphone). Section C: Kemudahan yang disediakan (WiFi/Aircond/Fandas/Surau/Parking/Taman/Jermalan/Pandu Arah). Section D: Cafeteri. Section E: Keadaan keseluruhan perkhidmatan kami. Page 2 (right) contains sections F-G, which are continuation of the survey questions, and section H, which is a summary page for suggestions and contact information. Both pages feature a large yellow smiley face at the bottom.

Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 27 November 2013

Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 27 November 2013

4.4.2.6. Strategi Pemasaran / Promosi

Strategi pemasaran / promosi adalah penting bagi memajukan sesuatu syarikat yang mensasarkan keuntungan. Pihak Audit mendapati BCIC mempromosikan kemudahan di KDM dengan mengiklankan perkhidmatannya di laman sesawang mudah.my, laman sosial *facebook* dan menggantung *bunting* di hadapan bangunan KDM seperti di **Gambar 4.6** hingga **Gambar 4.8**.

Gambar 4.6
Iklan Di Laman Sesawang mudah.my



Sumber: mudah.my

Gambar 4.7
Iklan Di Laman Sosial facebook



Sumber: facebook

Gambar 4.8
Bunting



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hadapan Bangunan KDM
Tarikh: 28 Januari 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hadapan Bangunan KDM
Tarikh: 28 Januari 2014

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti BCIC adalah memuaskan kerana pelaksanaannya selaras dengan objektif penubuhan.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, BCIC adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat BCIC mendapatkan perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah

- Mengikut Perenggan 4.7(iii)(c) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Syarikat Induk dan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat. Berdasarkan amalan terbaik - Perenggan 1.1.3 Buku

Hijau, Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1993 menyatakan sekiranya Pengerusi yang dilantik merupakan Pengerusi Syarikat Induk, beliau hendaklah tidak dibayar elaun tetap.

- b. Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah BCIC adalah seramai 3 orang dan keanggotaannya telah mendapat kelulusan Ahli Perbadanan PKNP. Pihak Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah gabungan daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang korporat dan keusahawanan bagi menjadikan BCIC sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing. Selanjutnya Pengerusi yang dilantik tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak terlibat dalam urusan operasi harian syarikat. Pelantikan Pengerusi adalah berdasarkan saranan Ahli Perbadanan PKNP dan tiada sebarang elaun tetap diperuntukkan.

4.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

- i. Perenggan 4.7.1(ii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau mengikut peraturan syarikat yang telah ditetapkan. Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur.
- ii. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah BCIC telah bermesyuarat sekali pada tahun 2011 serta masing-masing 4 kali pada tahun 2012 dan 2013. Pihak Audit mendapati minit mesyuarat telah disedia dan difailkan dengan teratur serta keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik.

4.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menggariskan komposisi dan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Pengurus Audit Dalaman Agensi Kerajaan hendaklah menjadi Setiausaha bagi jawatankuasa serta berpengalaman dan menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia.
- b. Semakan Audit mendapati walaupun BCIC tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam tetapi Unit Audit Dalam PKNP ada menjalankan pemeriksaan Audit ke atas penyewaan kemudahan di KDM yang meliputi skop pendapatan dan kutipan hasil serta perekodan dan perakaunan pada

tahun 2013. Pihak Audit mendapati hasil laporan tersebut telah diangkat dan dibentangkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2 Tahun 2013.

4.4.3.4. Pelan Perniagaan

BCIC telah menyedia dan merangka pelan perniagaan bagi mempertingkatkan prestasi syarikat. Pihak Audit mendapati pelan tersebut telah dibentang dan diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 4 Tahun 2012. Selain itu, BCIC turut merangka pelan tindakan dalam usaha mempertingkatkan prestasi syarikat iaitu dengan implementasi aktiviti berikut:

- a. Program ‘*Corporate Service Responsibility*’ (CSR) dengan Kementerian Pelajaran;
- b. Penjualan ‘*Room Voucher*’ bilik penginapan Persona Akademi KDM;
- c. Mengambil bahagian dalam program *MATTA Fair* dan pameran luar Pahang;
- d. Mencadangkan kerjasama ‘Program Induksi’ dengan Kementerian Sumber Manusia Putrajaya; dan
- e. Mencadangkan program ‘*Pahang Bikers Week*’.

4.4.3.5. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja – *Standard Operating Procedure*

Garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkatkan produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati BCIC menggunakan pakai Garis Panduan Dan Prosedur Kerja PKNP dalam pengurusan kewangan BCIC.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat BCIC adalah memuaskan kerana pelaksanaannya selaras dengan peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif BCIC iaitu menguruskan sewaan kemudahan KDM dengan menawarkan harga berpatutan dapat dicapai, adalah disyorkan BCIC mengambil tindakan penambahbaikan dengan mempertingkatkan prestasi kewangan bagi memastikan kerugian terkumpul dapat dikurangkan serta pulangan ke atas aset dan ekuiti dapat diperbaiki, selain mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran serta mengutip tunggakan sewa.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan dan kontraktor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjadikan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjadikan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

30 April 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my